

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kelas: 85.4  
No Perolehan: T 6957  
Tarikh: 18 MAR 1986

KEMISKINAN LUAR BANDAR - SATU KES KAJIAN  
KE ATAS KAMPUNG PENGKALAN BERANGAN  
MARANG, TERENGGANU.


LIEW YANN FONG

NO. MATRIK : 44278

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SISIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1985/86



Peta Lakar  
Kampung Kajian

Petunjuk	
1	Jabatan Perkhidmatan Haiwan
2	Klinik Mukim Jerung
3	Balai Raya
4	Pasar
5	Rumah Penghulu
6	Balai Polis
O	Masjid

### SINOPSIS

Kajian ini adalah satu Kajian Kes mengenai Kehidupan sebuah masyarakat luar bandar iaitu masyarakat petani. Tujuan Kajian ini ialah untuk melihat keadaan sosial, ekonomi dan politik masyarakat petani berhubung dengan Kemiskinan dan peranan Lembaga Pertubuhan Peladang serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu meningkatkan pendapatan penduduk Kampung.

Masalah Kajian, tujuan Kajian serta Kaedah Kajian diuraikan dalam bab 1. Di samping itu, Kesulitan yang dihadapi semasa Kerja luar serta cara mengatasi Kesulitan ini juga dibincangkan dalam bab itu.

Dalam bab 2, diuraikan definisi Kemiskinan mengikut berbagai pendapat, pengukuran Kemiskinan secara mutlak dan secara relatif dan juga teori-teori Kemiskinan mengikut berbagai pendapat.

Bab 3 adalah untuk melihat latarbelakang Kampung Kajian dari aspek ekonomi (pekerjaan, pemilikan tanah, pendapatan, perbelanjaan, pola simpanan dan hutang); aspek sosial (Kemudahan sosial, pelajaran, Kesihatan dan sebagainya); aspek politik (Keanggotaan parti dan sebagainya).

Dalam bab 4, penduduk Kampung Kajian diukur untuk mengetahui samada mereka merupakan golongan miskin atau tidak berdasarkan pada pendapatan per Kapita seisirumah dan juga melihat jenis pekerjaan yang berhubungan dengan pendapatan rendah. Dihuraikan juga Kegiatan pertanian yang merupakan aktiviti utama penduduk Kampung Kajian, masalah yang dihadapi pada sudut pandangan penduduk Kampung sendiri, sikap dan pandangan hidup penduduk Kampung. Di samping itu juga membincangkan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam membantu penduduk Kampung.

Bab 5 adalah suatu kesimpulan terhadap bab-bab yang lalu, dan cuba membuat beberapa rumusan ke atas teori-teori yang telah dibincangkan dalam bab 2 serta ke atas punca-punca kemiskinan yang ditemui. Di samping itu jug cuba memberi beberapa saranan-saranan untuk menpertingkatkan status sosio-ekonomi penduduk Kampung yang miskin.

## KANDUNGAN

	Mukasurat
Penghargaan -----	i
Sinopsis -----	iii
Kandungan -----	v
Senarai Jadual -----	viii

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan -----	1
1.2 Masalah Kajian -----	2
1.3 Tujuan Kajian -----	5
1.4 Kaedah Kajian	
1.4.1 Persampelan -----	5
1.4.2 Pengumpulan Data -----	7
1.5 Kesulitan yang dihadapi semasa Kerja luar	
1.5.1 Masalah dalam sampling -----	16
1.5.2 Masalah dalam Questionnaire -----	17
1.6 Cara-cara mengatasi Kesulitan yang dihadapi semasa Kerja luar -----	20

### BAB 2 DEFINISI, KONSEP DAN TEORI-TEORI KEMISKINAN

2.1 Definisi Kemiskinan -----	22
2.2 Pengukuran Kemiskinan -----	28
2.3 Teori-teori Kemiskinan -----	35

**BAB 3 LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN**

3.1 Pengenalan -----	46
3.2 Aspek Ekonomi	
3.2.1 Jenis-jenis pekerjaan utama -----	47
3.2.2 Jenis-jenis pekerjaan sampingan -	49
3.2.3 Pola pemilikan tanah -----	51
3.2.4 Pendapatan -----	52
3.2.5 Perbelanjaan -----	53
3.2.6 Pola simpanan, pinjaman dan hutang -----	54
3.3 Aspek Sosial	
3.3.1 Kemudahan sosial -----	58
3.3.2 Keadaan rumah -----	60
3.3.3 Pelajaran -----	64
3.3.4 Kesihatan -----	66
3.4 Aspek Politik -----	68

**BAB 4 PUNCA-PUNCA KEMISKINAN**

4.1 Pengenalan -----	72
4.2 Pengukuran kemiskinan -----	73
4.3 Hubungan pendapatan dengan jenis pekerjaan Ketua Keluarga -----	74
4.4 Pertanian -----	76
4.4.1 Padi -----	78
4.4.2 Getah -----	85
4.4.3 Tanaman lain -----	88

4.5	Masalah yang dihadapi pada pandangan penduduk Kampung -----	89
4.6	Sikap dan pandangan penduduk Kampung --	91
4.7	Jabatan Kebajikan Masyarakat -----	94
4.8	Kesimpulan -----	96

## BAB 5 KESIMPULAN DAN SARANAN-SARANAN

5.1	Kesimpulan -----	100
5.2	Saranan-saranan mempertingkatkan status sosio-ekonomi penduduk Kampung -----	121

**SENARAI JADUAL**

3.1	Jenis-jenis pekerjaan Ketua Keluarga -----	47
3.2	Jenis-jenis pekerjaan sampingan Ketua Keluarga -----	49
3.3	Peratusan pemilikan tanah -----	51
3.4	Peratusan pendapatan sebulan bagi seisirumah -----	52
3.5	Jumlah perbelanjaan sebulan seisirumah -----	53
3.6	Pola simpanan responden -----	54
3.7	Pola pinjaman responden -----	55
3.8	Sebab-sebab berhutang responden -----	56
3.9	Peratusan cara hutang responden -----	57
3.10	Peratusn jenis bekalan air -----	58
3.11	Peratusan jenis bekalan api -----	58
3.12	Peratusan jenis tandas -----	59
3.13	Peratusan jenis dinding -----	60
3.14	Peratusan Jenis bumbung -----	61
3.15	Peratusan Keadaan rumah -----	61
3.16	Pola hakmilik tapak rumah -----	63
3.17	Pola hakmilik rumah -----	63
3.18	Tingkat pencapaian pelajaran Ketua Keluarga -----	64
3.19	Tingkat pelajaran ahli-ahli Keluarga pada masa Kajian -----	65
3.20	Bilangan lawatan Ke Klinik tahun ini -----	67
3.21	Jenis-jenis tempat rawatan -----	67
3.22	Parti politik yang disukai dan sebabnya -----	69
3.23	Parti politik yang paling dibenci -----	70

4.1	Peratus pendapatan per Kapita sebulan di Kampung Pengkalan Berangan -----	73
4.2	Perhubungan pendapatan dan jenis pekerjaan Ketua Keluarga -----	74
4.3	Peratusan penglibatan dalam pertanian -----	76
4.4	Pola pemilikan tanah getah dan padi sahaja ---	77
4.5	Pola hakmilik tanah sawah -----	80
4.6	Hasil Keluaran bersih padi -----	80
4.7	Keluaran tanah sawah -----	81
4.8	Luas ekar dan hasil Keluaran padi pemilik-pengerja -----	84
4.9	Pola hakmilik tanah getah -----	85
4.10	Keluasan tanah getah -----	87
4.11	Masalah yang dihadapi oleh responden -----	89
4.12	Samada penduduk Kampung mahu anak-anak tinggal dan bekerja di Kampung atau tidak ----	91
4.13	Pendapat responden tentang jenis pekerjaan yang baik untuk anak -----	92
4.14	Pendapat responden tentang Ketinggian pencapaian pelajaran anak-anak -----	92
4.15	Pendapat responden tentang jenis pelajaran yang paling baik untuk anak-anak -----	92
4.16	Bilangan penerimaan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat -----	95

## BAB 1 PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah satu Kajian Kes (case study) ke atas status sosio-ekonomi komuniti petani Kampung Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu. Apakah itu Kajian Kes? Kajian Kes secara ringkasnya boleh dikatakan sebagai Kajian secara intensif ke atas unit tertentu dengan berdasarkan data yang dikumpul dari beberapa orang responden. M.N. Gopal mengatakan Kajian Kes ialah

".....often termed a method, sometimes a technique, at others an "approach" to social reality and occasionally a mode of organizing data in terms of some chosen units. It is, in fact a technique which considers all pertinent aspects of a situation, employing as the unit of study an individual, institution or group, and intensively investigating it ....."  
(1964 : 184 )

Kajian Kes adalah sangat berfaedah dalam dua keadaan iaitu:

1. apabila sedikit benar yang diketahui tentang keadaan yang wujud dan boleh dilakukan dengan segera dan perbelanjaan yang rendah;

2. apabila suatu analisa mendalam diperlukan untuk memudahkan interpretasi dan pemahaman sesuatu bukti statistik yang sedia wujud.  
 (Ahmad Mahdzan Ayob : 1983, 22)

Bab ini akan menghuraikan masalah serta tujuan Kajian ini. Kaedah Kajian, kesulitan yang dihadapi semasa kerja luar dan cara mengatasi masalah ini juga akan dibincangkan dalam bab ini.

## 1.2 MASALAH KAJIAN

Fenomena Kemiskinan merupakan fenomena yang dihadapi oleh rakyat Malaysia sebelum kemerdekaan dicapai lagi. Pada masa kini, masalah Kemiskinan luar bandar masih merupakan salah satu masalah negara Malaysia yang utama. Keadaan kemiskinan luar bandar pada tahun 1970 ialah sebanyak 58.7% dan pada tahun 1980 ialah sebanyak 37.7% (Jadual 3.2, RME :1981, 33). Masalah kemiskinan juga merupakan topik perbincangan yang selalu kita dengar dari para sarjana, ahli-ahli politik, penulis-penulis majalah dan surat akhbar.

Kerajaan Malaysia seperti Kerajaan negara-negara Dunia Ketiga yang lain telah cuba mengurangkan kadar kemiskinan dengan mengadakan berbagai rancangan pembangunan. Setakat ini sudah dilaksanakan enam rancangan

pembangunan iaitu:-

- a. Rancangan Malaya I (1956 - 1960 )
- b. Rancangan Malaya 2 (1961 - 1965 )
- c. Rancangan Malaysia Pertama (RMP)  
1966 - 1970
- d. Rancangan Malaysia Kedua (RMK)  
1971 - 1975
- e. Rancangan Malaysia Ketiga 1976 -1980
- f. Rancangan Malaysia Keempat (RME)  
1981 - 1985

Dalam semua rancangan pembangunan tersebut diatas, objektif yang paling utama yang selalu ditekan ialah cuba mengurangkan Kemiskinan dan seterusnya membasmi Kemiskinan. Menurut Rancangan Malaysia Kedua ( 1971 :5 ), Kemiskinan ada kaitannya dengan pengangguran dan guna tenaga tak penuh serta kegiatan yang daya pengeluarannya rendah, seperti penggunaan teknologi baru untuk menambahkan pendapatan, tertubuhnya pelaburan asing untuk memberi lebih banyak pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Menurut Lorraine Corner, walaupun ada perbelanjaan yang besar ke atas pembangunan luar bandar pada tahun 1970an, yang salah satu tujuannya ialah untuk



### 1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat :-

- 1) Status sosio-ekonomi dan politik sebuah kampung pertanian.
- 2) Mengenalpasti faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi kemiskinan .
- 3) Menilai kepentingan pertubuhan organisasi kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam peranan membantu komuniti di kampung membaiki hidup mereka .
- 4) Punca-punca kemiskinan di kampung Kajian berkaitan dengan teori-teori kemiskinan .
- 5) Saranan-saranan untuk meningkatkan status sosio-ekonomi komuniti kampung yang miskin .

### 1.4 KAEDAH KAJIAN

#### 1.4.1 Persampelan

Persampelan dijalankan bila kita membuat kesimpulan terhadap keseluruhan penduduk yang dikaji. Kita mengumpul data dari sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan penduduk yang dikaji kerana cara ini adalah lebih cekap daripada mengumpul data dari setiap penduduk.

yang dikaji. Kita perlu memastikan yang sampel ini dapat mewakili keseluruhan penduduk dan juga memastikannya saintifik, persampelan perlu dilakukan secara rawak atau berdasarkan prinsip-prinsip kebarangkalian.

Data yang dikumpul dari sampel adalah lebih tepat dari yang dikumpul dari keseluruhan penduduk kerana ia menjimatkan masa dan perbelanjaan, juga memberi kelonggaran dan skop yang lebih luas tentang tajuk-tajuk yang boleh dititipi oleh kajian hasil daripada latihan yang mendalam, dan juga membolehkan penyelesaian hasilnya.

Persampelan Sistematis telah dicadangkan untuk digunakan dalam kajian ini. Menurut Prof. Ahmad Mahdzan Ayob (1983 : 101) persampelan sistematis adalah sesuatu sampel yang diperolehi dengan memilih satu unsur secara rawak daripada k unsur-unsur pertama dalam rangka persampel, dan selepas itu memilih tiap-tiap unsur yang ke-k, dinamakan sampel sistematis (1 dari tiap-tiap k).

Dalam Kes Kampung ini, saya memulakan kerja luar dengan banch listing. Banci listing ialah satu senarai mengenai setiap isi rumah dalam Kampung yang dikaji. Senarai ini kemudian digunakan untuk membuat persampelan. Sejumlah 50 isi rumah akan digunakan sebagai sampel dalam kajian ini. Sampel ini diambil dengan membahagikan jumlah isi rumah yang dilist ( 204 ) dengan 50. Jawapan darinya

adalah nombor yang menentukan satu sampel dengan sampel yang lain, seperti

$$204/50 = 4.08 \text{ atau } 4$$

Jadi sampel seramai 50 itu adalah isi rumah yang bernombor 4, 8, 12, 16 .....

#### **1.4.2 Pengumpulan Data**

##### **i. Penggunaan Borang Soal Selidik**

Terdapat dua bahagian dalam borang soal selidik. Yang pertama ialah "fact Sheet Data / Personal Data". Ia memberi keterangan yang paling asas dan senang diperolehi untuk mendapatkan bilangan orang-orang yang hendak dikaji. Antara soalannya ialah mengenai jantina, umur, status perkahwinan dan lain-lain hal peribadi.

Bahagian Kedua ialah 'substantive' yang merupakan bahagian yang lebih penting kerana ia merupakan bahan-bahan yang dikehendaki oleh satu-satu kajian. Ia merupakan bahan asas atau isi sesuatu kajian yang dikehendaki oleh pengkaji. Soalan yang dikemukakan adalah seperti pendapatan, perbelanjaan, hak milik tanah, keadaan sosial, politik dan lain-lain. Semasa analisa data kedua-dua Fact Sheet Data dan Substantive adalah penting kerana kedua-dua adalah berkaitan di antara satu sama lain untuk memberi suatu kajian yang lengkap.

Borang soal selidik mempunyai dua bentuk iaitu soalan jenis terbuka dan soalan jenis tertutup. Soalan jenis terbuka adalah di mana responden dikenakan memberi jawapannya sendiri pada soalan yang ditanya. Kebaikan soalan jenis terbuka ialah :

- 1) Ia boleh digunakan bila semua jawapan yang mungkin diberi oleh responden tidak diketahui atau bila pengkaji ingin mengetahui pendapat responden terhadap jawapan yang betul. Sebagai contoh soalan seperti "Apakah masalah utama yang sedang dihadapi oleh penduduk Kampung pada masa ini?" Jawapan yang diberi oleh responden kadang-kadang adalah di luar jangkaan jawapan pengkaji.
- 2) Ia membenarkan responden menjawab dengan lengkap mengikut kesukaan responden, dan juga untuk menerangkan jawapannya.
- 3) Bila terdapat banyak jawapan jangkaan dalam senarai soalselidik.
- 4) Bila terdapat jawapan-jawapan yang kompleks yang tidak boleh dikategorikan dalam kategori yang kecil.
- 5) Ia membenarkan lebih peluang untuk kreativiti atau "selfexpression" oleh responden.

Soalan jenis terbuka juga mengandungi kelemahan-kelemahan seperti berikut:

1. Pengumpulan keterangan yang tidak berguna dan tidak relevan
2. Soalan adalah direka secara general dan mempunyai berbagai dimensi terhadap sesuatu subjek, jadi soalan ini mungkin terlalu general untuk difahami maknanya dan jawapan yang dikehendaki oleh penemuduga
3. Memerlukan lebih banyak masa dan keupayaan responden dan akan menyebabkan kadar kekeliruan yang tinggi

Soalan jenis tertutup adalah di mana responden disuruh memilih jawapannya daripada satu list yang disediakan oleh pengkaji. Misalnya, 'Apakah jenis pelajaran yang baik untuk anak-anak anda?' Pilih salah satu dari berikut: Ugama, Kedoktoran, Sains, Kemanusiaan dan Kemasyarakatan. Kebaikan soalan jenis tertutup ialah:

1. Jawapan adalah standard dan boleh dibandingkan dari seorang ke seorang yang lain
2. Jawapan adalah lebih senang dikodkan dan dianalisa

3. Responden lebih memahami maksud soalan itu, ini mengurangkan kadar kekeliruan
4. Memperolehi jawapan bagi soalan sensitif.
- Responden tidak perlu menyebutkan angka sebenarnya tetapi hanya perlu menyatakan kategori mana yang dia masuk i sahaja.
- Lebih senang dijawab oleh responden, ia cuma hanya pilih satu kategori jawapan sahaja.
- Kelermanahan soalan jenis tertutup ialah :
1. Adalah sangat mudah bagi seorang responden yang tidak tahu atau enggan mencuba menjawapnya atau hanya menjawap secara random sahaja.
  2. Responden mungkin merasa runting bila mendapat jawapannya tidak terdapat dalam list jawapan.
  3. Jawapan kepada soalan adalah terhad dan mungkin jawapan yang penting tidak disenaraikan oleh pengkaji.
- Soalan jenis tertutup adalah untuk kategori jawapan yang "discrete", "distinct" dan kurang dalam bilangan, manakala soalan jenis terbuka adalah untuk soalan yang lebih kompleks yang tidak boleh dijawab dengan beberapa kategori yang simpel tanpa memerlukan penjelasan



Saya sebagai pengkaji, tinggal di Kampung yang dikaji semasa soal selidik dijalankan. Dengan ini saya dapat pergi ke rumah responden dan menulis dengan sendiri jawapan yang diberikan.

Mengumpulkan data dengan cara soal selidik adalah tidak mencukupi, jadi perlu juga menggunakan cara pemerhatian, temuduga dan penyelidikan perpustakaan.

### iii) Pemerhatian

Saya sebagai pengkaji yang tinggal di Kampung Kajian tidak boleh lari dari pemerhatian sehari-harian hidup orang Kampung. Ada 2 jenis pemerhatian:

1. Armchair Observation - melihat masyarakat Kampung tanpa menyertai aktiviti-aktiviti masyarakat itu.
2. Penyertaan pemerhatian - melibat diri dengan masyarakat yang hendak dikaji dan mengalami segala aktiviti Kampung itu.

Kebaiakan cara pemerhatian ialah ia boleh digunakan untuk mengumpulkan data dari tingkahlaku 'nonverbal', boleh digunakan pada keadaan semulajadi dan boleh dijalankan pada sepanjang masa Kajian. Kelemahan cara pemerhatian adalah seperti kurang kawalan terhadap Keadaan Kajian, masalah dalam kuantifikasi dan kod data,



Kampung terhadap saya supaya pemerhatian saya adalah tepat dan lengkap. Dalam keadaan-keadaan tertentu saya terpaksa menyertai aktiviti yang dijalankan seperti seorang anggota masyarakat Kampung untuk memahami dengan lebih mendalam tentang mereka.

### iii) Temuduga

Selain daripada menemuduga responden yang dikaji, temuduga juga diadakan terutamanya pada Key-informan seperti penghulu, Ketua Kampung, bapa angkat, pegawai Kerajaan dan badan-badan berkanun dan sebagainya untuk memperolehi data-data tambahan. Untuk mengetahui dengan lebih detail sesuatu perkara, perlu menemuduga orang yang berkenaan misalnya perlu menemuduga pegawai dari Lembaga Pertubuhan Peladang untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh LPP ini untuk kampung yang dikaji.

Banyak perkara yang tidak terdapat dalam soal selidik boleh diperolehi melalui temuduga. Temuduga secara informal / secara tidak langsung juga boleh digunakan untuk memperolehi data. Penemuduga boleh mengemukakan soalan yang secara tidak langsung dapat memperolehi data yang dihendaki.

Kelemahan cara temuduga seperti responden yang dengan sengaja membohong dan juga kesilapan yang tak sengaja dibuat oleh responden boleh diatasi dengan menyemak maklumat yang diberi mereka dengan responden yang lain.

#### iv) Penggunaan Perpustakaan / Secondary Data

Selain daripada data-data asli yang dipungut dari Kajian luar, data-data daripada perpustakaan boleh digunakan sebagai maklumat tambahan dan penyemak kejituhan pada data-data yang telah dipungut oleh kita melalui Kajian luar. Terdapat 3 jenis secondary data yang utama :-

- 1) Expressive Document - biografi, autobiografi, surat dan dianji.
- 2) Lapuran Media massa - surat akhbar, majalah, wayang, radio dan televisyen
- 3) Rekod resmi - Data-data yang berdaftar, datacensus atau Kajian luar yang dilakukan oleh individu bukan kerajaan dan rekod-rekod perdagangan serta organisasi.

1.5 KESULITAN KESULITAN YANG DIHADAPI SEMASA KERJA LUAR.

1.5.1 Masalah Dalam Sampling.

Saya menghadapi beberapa masalah semasa membuat binci listing dan persampelan :-

1. Kampung-Kampung ditempat kajian adalah berdekatan atau bersambungan di antara satu sama lain. Oleh itu adalah susah untuk membuat binci listing kerana tidak terdapat garis pemisahan yang jelas dan tepat tentang Kawasan Kampung yang hendak dibenci. Timbul persoalan, adakah sebuah isirumah itu termasuk dalam Kawasan listing atau tidak.
2. Tidak terdapat nombor rumah pada rumah-rumah di Kampung itu pada masa kajian. Ini menyulitkan persampelan dan ini seterusnya menyusahkan saya mencari sampel yang telah dipilih.
3. Soalan tentang berapa lama responden telah tinggal diKampung itu, responden tidak dapat menjawapnya dengan tetap tetapi akan menunjukkan pokok kelapanya yang telah ia tanam semasa mula-mula menetap disitu. Pengkaji akan mengalami masalah menganggar bilangan tahun mereka telah menetap di sini.

### 1.5.2 Masalah Dalam Questionnaire

1. Masalah Komunikasi - Saya bukan berasal dari Negeri Terengganu, jadi mengalami masalah dalam berkomunikasi dengan penduduk-penduduk Kampung Pengkalan Berangan yang dikaji. Saya kurang faham dialek Terengganu manakala penduduk Kampung terutama golongan tua kurang faham bahasa Malaysia yang standard. Beberapa contoh dialek Terengganu :-
  - "mek" bermakna makcik/cik
  - "piti", bermakna wang
  - "suka" bermakna ketawa
2. Masalah politik - Permusuhan antara ahli-ahli parti PAS dengan ahli-ahli UMNO adalah agak ketara. Jadi soalan-soalan politik adalah sensitif terhadap mereka. Saya kurang mendapat kerjasama dari orang-orang PAS, ini mungkin disebabkan saya tinggal di rumah Keluarga angkat yang berparti UMNO.
3. Masalah Perkauman - Saya adalah berlainan kaum dan ugama dari penduduk-penduduk Kampung. Ini menyebabkan saya mengalami sedikit sebanyak masalah dalam penerimaan

sebahagian penduduk Kampung walaupun bukan semuanya terhadap saya.

4. Ada soalan-soalan dalam questionnaire yang tidak boleh difahami oleh penduduk Kampung yang kurang berpelajaran.
5. Soalan-soalan sensitif - soalan seperti 'Pak Chik mempunyai berapa orang isteri ?'. Soalan jenis ini adalah susah untuk dikemukakan oleh saya dan responden juga merasa segan untuk menjawap.
6. Questionnaire terlebih dahulu disediakan oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi berserta dengan Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya. It akan membawa masalah kepada saya untuk memilih tajuk kajian yang disukai kerana data yang diperolehi terhadap sesuatu yang dikehendaki adalah terlalu umum dan tidak mencukupi. Soal selidik ini juga terlalu panjang. Responden merasa bosan dan kadang-kadang tidak mempunyai cukup masa untuk menjawapnya. Questionnaire memerlukan di antara satu hingga dua jam untuk menjawap semuanya bagi seorang responden.

7. Musim Menuai Padi - - Semasa kerja luar dijalankan di Kampung itu, kebetulan masa itu adalah musim menuai. Jadi saya mengalami masalah menemui responden yang telah dipilih dari listing kerana majoriti penduduk sedang sibuk menuai padi
8. Ketidakpastian tentang tujuan Kajian atau Kehadiran saya - Penduduk Kampung kurang faham tentang tujuan Kajian saya dan ramai sangkakan Kajian ini adalah benci politik. Disamping itu, responden juga menganggap saya sebagai pegawai Kerajaan yang boleh membantu mereka serta menasihat mereka. Ada yang juga membohong tentang pendapatan dan harta milikan mereka supaya dapat bantuan dari Kerajaan menerusi saya.
9. Masalah soalan tentang umur - Responden memberi tahu bahawa umur yang berdasarkan Kad pengenalan adalah kurang benar terutama dikalangan responden yang tua. Ini adalah kerana tahun lahir yang tercatat dalam Kad pengenalan adalah kurang tepat. Tetapi bila bertanya tentang umur sebenar mereka, mereka juga tidak boleh menjawab dengan tepat. Penduduk Kampung terutama yang telah berumur kurang mengambil berat tentang umur mereka.

#### 1.6 Cara-cara Mengatasi Kesulitan Yang Dihadapi Semasa Kerja Luar

Seorang pembantu kerja luar telah diambil oleh saya untuk membantu saya mengatasi masalah yang tersebut di 1.5. Pembantu kerja luar saya adalah adik angkat saya sendiri. Pembantu kerja luar ini adalah anak Kampung itu, jadi ia berkenalan dengan kebanyakkan penduduk Kampung. Dengan ini hubungan baik dengan responden dapat dicapai oleh saya tanpa banyak masalah. Masalah komunikasi dapat diatasi dengan bantuan pembantu kerja luar. Tetapi disebabkan oleh masalah politik, pembantu kerja luar yang berparti berlainan daripada responden akan menyebabkan ketidak kerjasamaan responden. Untuk mengatasi masalah ini, saya pergi ke rumah responden itu tanpa diiring oleh pembantu kerja luar. Responden akan merasa lebih selesa bila menjawap soalan yang dikemukakan.

Untuk mengatasi masalah Kawasan Kajian, saya terpaksa meminta bantuan Ketua Kampung atau bertanya penghuni rumah itu sama ada ia termasuk dalam Kampung yang mana satu. Saya terpaksa menggunakan nombor tiang elektrik sebagai nombor rumah, dan juga memberi nombor pada semua rumah yang dibuat binci listing supaya senang mencarinya bila membuat soal selidik.

Disebabkan oleh adanya masalah politik, soalan-soalan sensitif tentang politik terpaksa ditanya

dengan teliti dan berhati-hati. Begitu juga berkenaan soalan sensitif lain yang mengenai peribadi responden supaya soalan yang dikemukakan tidak menyinggung perasaan responden. Berkenaan dengan soalan yang tidak difahami oleh responden, pembantu kerja tuar akan membantu saya dengan cuba mengemukakan soalan yang kurang formal dan lebih jelas serta setaraf dengan pemafaman orang-orang Kampung.

Bila saya menghadapi masalah dalam menemu responden kerana musim menuai, saya pergi ke rumahnya sebanyak beberapa kali, jika masih belum dapat menemuinya, saya terpaksa menemu-duga jirannya.

Mengenai borang soal selidik yang panjang, saya cuba mengisi sendiri jawapan yang kelihatan atau nyata tanpa bertanya responden seperti 'Adakah mempunyai peti ais, televisyen atau kusyen set?'

Untuk mengurangkan syak wasangka responden terhadap kedatangan saya, saya terpaksa menerangkan tujuan kedatangan dan kajian saya dengan teliti kepada responden. Bila responden menyuruh saya membantunya dalam meminta sesuatu dari Kerajaan, saya hanya dapat mengatakan yang saya tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

J.L.Roach & J.K.Roach pula mendefinisikan Kemiskinan sebagai:

".....an insufficiency of basic needs."  
(1972:21)

Menurut Robert Straus, Kemiskinan adalah:

"deprivation of those minimal levels of health, housing, food, education and recreation compatible with the contemporary technology, beliefs and values of a particular society in a specific locality." (Weaver & Magid, 1967:7)

Ketiga-tiga mereka memberi definisi kemiskinan sebagai ketidakupayaan memperolehi keperluan-keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk hidup.

George L. Wilber pula melihat Kemiskinan dari segi pendapatan :

"Poverty itself is typically regarded as a lack of income which in turn is related to poor housing, inadequate education, insufficient medical, excessive fertility, unemployment and many other depressing problems." (1975:5)

Charles Booth juga cuba memberi definisi Kemiskinan beliau berdasarkan Kepadatan penduduk dalam definisinya, iaitu:

"Poverty as two or more persons living in one room measuring about 1000 cubic feet."  
(Hamilton, 1968:26)

Booth cuba mengaitkan Kepadatan penduduk dengan pendapatan tetapi kurang berjaya. Lebih kurang sepuluh tahun kemudian, B.Seebom memberi definisi garis Kemiskinan sebagai pendapatan yang :

"insufficient to obtain the minimum necessities for the maintenance of merely physical efficiency."

Pendapatan yang kurang daripada garis ini adalah dikenali sebagai 'primary poverty'. Bagi mereka yang berpendapatan lebih tinggi daripada garis ini tetapi tidak dapat memenuhi keperluan fizikal akibat dari pengagihan tidak seimbang adalah dikenali sebagai 'secondary poverty'. (Hamilton, 1968:26)

Martin Rein pula melihat Kemiskinan berdasarkan tiga Konsep iaitu "subsistence", 'inequality' atau 'externality'. Subsistence is concerned with the minimum of provision needed to maintain health and working

capacity. Inequality is concerned with the relative position of income groups to each other. Externality is consequence of poverty for the rest of society rather than in terms of the needs of the poor." (Townsend, 1970:46-47)

Ahli ekonomi, Oscar Ornati pula mengatakan Kemiskinan boleh didefinisikan secara subjektif, objektif atau relatif untuk melihatnya 'insufficiency' atau 'inequality' atau Kedua-duanya digunakan. Kemiskinan subjektif merujuk kepada perasaan kaya/miskin seseorang individu berdasarkan barang-barang dan perkhidmatan semasa yang boleh dinikmatinya. Kemiskinan selalu dianggap sebagai suatu perkara 'inequality'. Kalau begitu, Kemiskinan akan tetap ujud kerana Kemiskinan adalah terletak di bahagian bawah/rendah lapisan pengagihan pendapatan yang tidak seimbang. Insufficiency pula merujuk kepada Kemiskinan yang ujud akibat dari Keadaan seseorang yang tidak mampu memenuhi keperluan-keperluan asasnya atau pun hidup dibawah 'minimum subsistence'. Definisi Kemiskinan secara objektif menurut beliau lagi adalah berdasarkan keperluan asas semasa yang dipersetujui yang boleh dibeli dengan pendapatan. Keperluan asas di sini merujuk kepada tempat tinggal, pakaian dan makanan. (Helen Ginsburg, 1972:140-141)

Pada umumnya, definisi kemiskinan adalah berdasarkan kepada dua aspek utama iaitu ekonomi dan

sosiobudaya. Sejak dulu lagi definisi kemiskinan mengikut aspek ekonomi adalah yang selalu diberikan oleh sanjana-sanjana yang cuba beri takrif pada kemiskinan terutamanya ahli ekonomi. Konsep kemiskinan yang selalu didefinisikan oleh sanjana-sanjana sebagai " kekurangan atau ketidakmampuan memperolehi keperluan-keperluan asas manusia (pakaian, makanan dan perlindungan), kekurangan pendapatan, dan ketidakupayaan menguasai sumber-sumber secara relatif dengan kehendak-kehendak manusia" adalah tergolong dalam aspek ekonomi definisi kemiskinan.

Dalam dua dekad yang lalu, terdapat pertambahan cubaan dalam memberi definisi kemiskinan berdasarkan aspek sosiobudaya yang dianggap sama pentingnya dengan aspek ekonomi sebagai komponen dalam definisi kemiskinan. Menurut Oster, Lake & Oksman (1978:XV), penggunaan aspek sosiobudaya ini adalah untuk mengelakkan daripada hanya menggunakan 'strict economic conception of poverty'. Ciri-ciri sosiobudaya kemiskinan seperti pessimistik, pergantungan dan yang lain-lain perlu diambilkira dalam definisi kemiskinan. Definasi kemiskinan berdasarkan aspek ekonomi tidak memasukkan ciri-ciri sosiobudaya dalam definisinya. Menurut mereka lagi, ahli-ahli teori 'culture of poverty' bertentangan pendapat dengan ahli ekonomi bahawa pendapatan adalah 'reasonable proxy' pada kemiskinan. Mereka mengatakan bahawa:

".... lack of opportunities for social mobility, inadequate political access and low self-respect are the major poverty attributes offered as supplement to a definition of poverty (Miller and Reessman, 1968 : Miller & Roby, 1970: Haagstrom, 1964) (1978:19)

Pada pendapat saya, Konsep Kemiskinan yang dikemukakan oleh Professor Syed Husin Ali adalah lengkap kerana ia meliputi beberapa aspek :

- a) Wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi, iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah;
- b) dari segi ekonomi, Keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau Kekurangan Kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah;
- c) dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin iaitu menduduki lapisan bawahan dalam sistem susulapis masyarakat.

Ini adalah dikemukakan oleh beliau di Seminar Kemiskinan Luar Bandar anjuran KADA/AIM yang bertajuk "Aspek-aspek Kemiskinan dari Sudut Sosiologi". (Nadi

Insan, 1984:5). Konsep Kemiskinan ini akan digunakan dalam Kajian ini.

## 2.2 PENGUKURAN KEMISKINAN

Pengukuran Kemiskinan adalah perlu untuk mengetahui tahap Kemiskinan, peratus Kemiskinan, golongan mana yang miskin dan lain-lain hal berkenaan Kemiskinan. Mengukur Kemiskinan juga merupakan satu perkara yang sukar. Berbagai-bagai masalah timbul di sini. Menurut Dorothy S. Brady, perkembangan yang perlahan dalam Kajian pendapatan adalah kerana terdapat jurang di antara teori dan pengumpulan data, dan terdapatnya kurang pakar-pakar yang bergiat dalam bidang ini. (Roach & Roach, 1972:72)

Masalah mengukur Kemiskinan timbul dari masalah biasa yang dialami dalam sesuatu Kajian sosial dan juga dari masalah semasa pungutan data untuk pendapatan. Selain daripada masalah teknik ini, ada masalah Konseptual yang memberi kesan terhadap nilai Kajian Kemiskinan. Misalnya, Konsep pendapatan untuk tujuan pencukaian adalah berbeza dari Konsep pendapatan untuk analisa pengagihan pendapatan. Menurut Samuel Mencher, masalah mengukur Kemiskinan berpusat di dua isu iaitu 'the establishment of a sound theoretical or conceptual framework' dan 'the employment of valid and reliable techniques for the collection and organization of relevant data.' (Roach &

Roach 1972:72). Menurut beliau lagi, masalah lain akan timbul jika tujuan atau salah satu tujuan analisa pendapatan ialah untuk perbandingan antara tahun-tahun atau antara Kawasan-Kawasan tertentu. Perubahan nilai mata wang dan perubahan taraf hidup yang berlainan pada masa yang sama perlu diberi perhatian dalam analisa kemiskinan dan perbandingan antara Kawasan yang berlainan. (Roach & Roach 1972:77)

Berbagai-bagai cara telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana dalam cubaan mengukur kemiskinan. Ada dua cara yang paling asas menggunakan pendapatan dalam mengukur kemiskinan ialah cara mutlak dan cara relatif. Samuel Mencher memberi pembezaan antara Kedua-dua pendekatan ini sebagai :

"The absolutists seek some definite point on the income scale for distinguishing among income levels; the relativists prefer some percentile or proportion of the total range to differentiate standards of living." (Roach & Roach, 1972:76).

Pendekatan mutlak menetapkan sesuatu standard/tahap mengikut jumlah makanan, pakaian dan perkhidmatan yang minima (asas) diperlukan oleh seseorang individu atau keluarga untuk hidup. Standard ini dikenali

sebagai garis kemiskinan. Seseorang yang tidak boleh memperolehi jumlah makanan dan perkhidmatan yang ditetapkan akan dianggap miskin. Secara ringkasnya boleh dikatakan pendekatan mutlak menetapkan garis kemiskinan dan jumlah pendapatan yang lebih rendah daripada garis kemiskinan akan tergolong dalam golongan miskin. Cara ini digunakan dalam kajian kes ini.

Misalnya di Malaysia, garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) ialah \$384 pendapatan sebulan bagi Keluarga seramai 5 orang pada tahun 1983. (*Malaysian Business*, 'Poverty', March 1984:23). Jika pendapatan sekeluarga yang mengandungi lima orang adalah kurang daripada \$384 sebulan pada tahun 1983, maka Keluarga ini adalah dianggap golongan miskin.

Pada tahun 1973, 'National Welfare Rights Organization' Amerika Syarikat mengira bahawa sebanyak US\$7,200 setahun adalah diperlukan untuk memperolehi keperluan ekonomi asas sekeluarga yang terdiri daripada 4 orang. Tetapi taraf kemiskinan resmi Kerajaan Persekutuan Amerika Syarikat adalah hanya US\$4,540. Perbezaan diantara kedua-dua angka ini adalah terletak pada isu siapa yang menentukan keperluan-keperluan asas individu/keluarga itu dan atas asas manakah penentuan ini dibuat. Konsepsi

seseorang terhadap apakah 'Keperluan asas' sesuatu keluarga adalah berbeza-beza. Ia adalah bergantung kepada keadaan ekonomi dirinya dan kebiasaan dengan kemiskinan (B.R.Schiller,1973:7-8). Selain daripada masalah di atas, perubahan dalam harga pasaran dan keperluan asas dari semasa ke semasa akan memerlukan sedikit sebanyak perubahan dalam garis kemiskinan.

Garis kemiskinan yang digunakan oleh sebuah negara tidak boleh digunakan oleh negara lain atau untuk membuat perbandingan dengan menggunakan garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh sesuatu negara untuk negara yang lain. Garis kemiskinan yang digunakan oleh Amerika Syarikat tidak boleh dipakai pada Malaysia kerana kedua-dua negara adalah berbeza. Jadi pengukuran cara mutlak ini tidak boleh digunakan untuk semua negara.

Disebabkan oleh ujudnya berbagai-bagai masalah pengukuran cara mutlak, ada sarjana-sarjana yang mencadangkan cara relatif sebagai gantinya. Pendekatan relatif mengatakan bahawa seseorang itu dikatakan miskin bila pendapatannya kurang berbanding dengan purata pendapatan penduduk keseluruhannya. Menurut Samuel Mencher, pendekatan relatif menekankan ketidakseimbangan ekonomi sebagai penentu asas kemiskinan, manakala pendekatan mutlak beri penekanan pada 'insufficiency'

ekonomi sebagai rangka kajian kemiskinan. (Roach & Roach 1972:79). Cara relatif membandingkan kemiskinan dengan kedudukan taraf hidup masyarakat keseluruhannya, iaitu dengan mengaitkan kemiskinan dengan pengagihan pendapatan dalam masyarakat tersebut. Menurut Schiller (1976:8), pandangan yang extreme mendefinisikan kemiskinan sebagai tahap yang paling rendah dalam pengagihan pendapatan masyarakat keseluruhannya, dan ini bermakna kemiskinan tetap akan ujud selagi adanya ketidakseimbangan pengagihan pendapatan. Birch & Saenger (1970) dan Miller (1963) mencadangkan bahawa kemiskinan adalah sesuatu peratus yang paling rendah dalam pengagihan pendapatan. (Oster, Lake & Oksman, 1978:9). Misalnya 40% atau 25% ke bawah pengagihan pendapatan masyarakat keseluruhannya. Kelemahannya ialah ia menetapkan kedudukan kemiskinan sebelum mempastikan keadaan sebenarnya dan menggambarkan bahawa golongan miskin sentiasa ujud.

Victor R. Fuchs mencadangkan bahawa keluarga miskin adalah yang berpendapatan kurang dari 'one-half the median family income'. Tidak ada angka yang tetap bagi 'one-half' tetapi menggunakan tahap kemiskinan yang berubah-ubah mengikut pertumbuhan pendapatan negara yang sebenar. (Will & Vatter, 1970:14-15).

Menurut Schiller (1976:9), jika median pendapatan keluarga di Amerika Syarikat pada tahun 1970 ialah \$10,000, keluarga yang berpendapatan kurang dari \$5,000 iaitu 'one-half of the median' mengikut Fuchs adalah dianggap miskin. Kebaikan cadangan Fuchs ialah ia membezakan terhapusnya ketidakseimbangan pendapatan dengan terhapusnya kemiskinan dan ia memberi penekanan pada faktor-faktor fundamental yang mempengaruhi kemiskinan pada masa itu.

Seorang ahli ekonomi Lester Thurow mencadangkan suatu cara lain dalam cara relatif. Beliau cuba menggunakan 'poverty band' daripada menggunakan garis kemiskinan. Definasi ini memerlukan garis kemiskinan yang flexible yang mengambil kira sesuatu jumlah yang tertentu adalah perlu untuk menyara sekeluarga pada atau dekat dengan tahap median masyarakat itu. Jika keluarga itu kurang daripada tahap ini, ia akan masuk ke dalam 'poverty band' dan jika seterusnya jatuh lagi dari tahap itu, keluarga itu adalah miskin. Tahap ini bukan sahaja

---

<sup>1</sup> Rujuk Will & Vatter 1970:15-17  
Fuchs menunjukkan bahawa caranya adalah yang paling baik berbanding dengan cara 'fixed standards'. Cara fixed standard mendapatkan kemiskinan telah berkurang tetapi cara 'separuh median' mendapatkan jumlah kemiskinan tetap sama.

mengetahui berapa orang hidup dalam Keadaan Kemiskinan tetapi juga mengetahui berapa orang hidup dalam Keadaan hampir miskin. Tetapi cara 'poverty band' ini menimbulkan masalah seperti program bantuan semestinya berpusat pada orang yang mempunyai keperluan yang tertentu/khas. untuk mengelakkan program itu daripada dibazirkan, Keperluan Keluarga miskin perlu didefinisi dengan teliti.(Rodgers, 1979:31)

Tidak boleh dikatakan cara mana yang lebih baik di antara cara relatif dan cara mutlak kerana Kedua-dua mempunyai kelemahannya. Penggunaan sesuatu cara tertakluk kepada Keadaan sosial, ekonomi dan politik sesuatu negara.

Kemiskinan bukan hanya boleh diukur dengan pendapatan sahaja tetapi ia juga boleh diukur dengan ciri-ciri 'bukan pendapatan' misalnya jumlah Kalori yang diambil, masa lapang, Kesihatan dan lain-lain lagi. Miller, Rein, Roby dan Gross dalam Kertas Kerja yang bertajuk 'Social Indicators Defination' mencadangkan :

"A minimum approach by government in any society with significant inequalities must provide for rising minimum levels not only of incomes, assets and basic services, but also of self respect and opportunities for social mobility and participation in many forms of decision

making.....Poverty is not only a condition of economic insufficiency, it is also social and political exclusion." (Will & Vatter, 1970:18)

Sekarang pendapatan hanya merupakan salah satu dimensi dalam Kemiskinan dan Ketidakseimbangan. Pendapatan semasa yang digunakan sebagai penentuan Kedudukan ekonomi sesuatu Keluarga adalah kurang tepat. Antara sebab-sebabnya ialah perbandingan antara Kumpulan miskin dengan Kumpulan bukan miskin yang sebenar tidak dapat dibuat, ini disebabkan oleh adanya ganjaran sampingan yang merupakan tambahan pada pendapatan seseorang yang bukan berbentuk wang. Walaupun pendapatan dan asset merupakan komponen penting dalam Kawalan terhadap sumber-sumber tetapi mereka tidak memasukkan satu lagi faktor yang penting iaitu perkhidmatan yang termasuk pelajaran, latihan, kesihatan, perlindungan, pengangkutan, perhubungan, perkhidmatan sosial dan lain-lain. (Will & Vatter, 1970:18-19)

### **2.3 TEORI-TEORI KEMISKINAN**

Sebagaimana dengan definisi dan pengukuran Kemiskinan, timbul berbagai-bagai pendapat dalam cubaan mencari punca-punca Kemiskinan, supaya dapat memahami Keadaan Kemiskinan dengan lebih mendalam dan seterusnya mencari cara mengatasinya.

Ahli-ahli teori Sosial pada abad ke 19 telah cuba menerangkan fenomena Kemiskinan. Misalnya Thomas Malthus melihat Kemiskinan sebagai akibat dari Kecenderungan pertambahan penduduk melebihi keupayaan memperolehi Keperluan asas, ia adalah suatu 'inexorable law of nature'. Karl Marx pula berpendapat bahawa Kemiskinan adalah:

"inherent in the capitalistic economy which he saw as a method of exploiting the poor and maintaining the vast majority of the people in a precarious economic existence. Herbert Spencer, influenced profoundly by Charles Darwin, found poverty to be the result of natural forces in the struggle for existence, with the fittest surviving and the unfit tending to be eliminated." (Weaver & Magid, 1969:8)

Oscar Lewis cuba memahami Kemiskinan dan ciri-cirinya sebagai suatu Kebudayaan atau sub-budaya yang mempunyai struktur dan rationale yang tersendiri sebagai suatu cara hidup yang boleh diperturunkan dari suatu generasi ke generasi lain dalam Keluarga. Ia diperturunkan oleh proses sosialisasi. Kanak-Kanak yang menyerap

nilai-nilai asas dan kelakuan sub-budaya ini tidak akan mengambil kesempatan/peluang yang ada untuk memperbaiki atau mengubah keadaan mereka dalam hidup mereka. Menurut beliau:

"..the culture of poverty in modern nations is not only a matter of economic deprivation, of disorganization or of the absence of something. It is also something positive and provide some rewards without which the poor could hardly carry on.... It transcends regional, rural, urban, and national differences and show remarkable similarities in family structure, interpersonal relations, time orientation, value systems and spending pattern." (1965,1966: XI)

Valentine menyusun semula ciri-ciri (traits)

Kebudayaan Kemiskinan yang dikemukakan oleh Oscar Lewis Kepada 3 Kumpulan utama : (1968,114-120)

#### 1. Gross Indicators or correlates of poverty

Ini termasuk pengangguran, underemployment, pekerjaan tidak mahir, pekerjaan status yang rendah, Kekurangan pelajaran, kediaman yang penuh sesak dan perumahan yang deteriorate.

2. Paten Kelakuan dan perhubungan (Behavioral patterns and relationship)

- mempraktikkan perkahwinan conservative, hubungan Keluarga yang authoritarianism, Kekurangan solidarity Keluarga dan umumnya gagal membentuk organisasi Komuniti luar dari Keluarga, childhood yang tidak mempunyai perlindungan dan frekuensi yang tinggi isirumah yang 'female-centered' yang tiada penghuni lelaki dewasa.

3. Nilai dan tingkahlaiku (Values and attitudes)

Ini termasuk suatu siri yang panjang perasaan tidak mesra terhadap institusi dan kekuatan klas dominan. Juga mempunyai potential untuk memproses, bersama-sama dengan tahap expektasi dan aspirasi yang rendah. Berbagai 'spatial' dan 'temporal provincialism' expression juga ditekankan.

Kebudayaan Kemiskinan ini adalah suatu penyesuaian atau tindakbalas orang miskin terhadap kedudukan rendah mereka dalam masyarakat kapitalis yang berklas-klas. Kebudayaan Kemiskinan bukan suatu masalah tetapi merupakan suatu cara mengatasi mereka. Menurut Oscar Lewis :

"It represents an effort to cope with the feelings of hopelessness and despair which develop from the realization of improbability of achieving success in terms of the value and goals of the larger society." (1965,1966,Xii)

Kebudayaan Kemiskinan juga adalah suatu fenomena international yang tersibar luas dan merupakan salah satu masalah contemporary dunia yang utama menurut Oscar Lewis. Tetapi Kebudayaan Kemiskinan yang dikemukakan oleh Lewis mendapat banyak kritikan. Misalnya Schiller (1976:102) mengatakan kelemahan teori Kebudayaan Kemiskinan tertakluk pada andaiannya iaitu perbezaan tingkahlaku ujud di antara yang miskin dengan yang tidak miskin, yang dapat diperlihatkan dalam 'goals' dan aspirasi mereka. Sebenarnya dalam realiti, yang miskin tidak mempunyai peluang untuk mencapai 'goals' mereka, jadi wujudnya perbezaan yang ketara dalam aspirasi dan tingkahlaku.

Menurut Karl de Schweinitz, Jr, dari sudut pandangan seorang ahli ekonomi, Kemiskinan adalah disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu pengangguran, produktiviti rendah dan didiskriminasikan dalam pekerjaan. Pengangguran disebabkan oleh perubahan struktur dalam ekonomi dan kekurangan dalam permintaan. Tetapi gunatenaga penuh sahaja tidak boleh menghapuskan kemiskinan. Misalnya

seorang bekerja 40 jam sebulan tetapi masih belum dapat mengatasi garis kemiskinan. Ini adalah kerana produktivitinya masih rendah akibat dari kurang memiliki kemahiran yang boleh meningkatkan pendapatannya. Beliau berpendapat bahawa diskriminasi juga mungkin menghalang pekerja daripada mencapai tahap produktiviti yang penuh dengan tidak memberi kesempatan kepada mereka untuk bekerja kerja-kerja yang boleh dilakukan oleh mereka. (Weaver & Magid, 1969:26-27)

Laporan dari 'United Nation International Labor Organization', 1976, mendapati bahawa masalah pengangguran dan kemiskinan adalah tidak boleh dipisahkan. Terdapat kira-kira 700 juga tenaga buruh di negara-negara membangun, 36% daripadanya adalah 'underemployed' dan kira-kira 5% adalah menganggur. Pengangguran lebih ketara di kawasan luar bandar iaitu kira-kira 80%. Seperti dengan kemiskinan, pengangguran juga adalah fenomena kawasan luar bandar. Didapati bahawa kemiskinan bukan disebabkan oleh pengangguran sahaja tetapi juga disebabkan oleh 'inequality' terutama tidak mempunyai tanah. Misalnya di India pada tahun 1972-73, jumlah pengangguran ialah 7.83% sahaja, manakala jumlah penduduk yang berada di bawah garis kemiskinan ialah 42.7% daripada jumlah penduduk keseluruhannya. (Andre Gunder Frank, 1980:12-15)

Orang-orang tempatan di Malaysia juga ada membuat kajian atau cuba mencari penyelesaian kepada masalah kemiskinan yang dihadapi di negara ini. Orang Melayu yang pertama sekali mengkaji kemiskinan orang Melayu di Malaysia ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Zaba). Menurut beliau, kemiskinan orang Melayu itu ialah kemiskinan yang meliputi serba-serbinya dan mengelilingi mereka pad segala pihaknya. Zaba lebih pentingkan aspek ekonomi kemiskinan. Mengenai sebab kemiskinan, Zaba mengasingkan sebab kemiskinan kebendaan dari sebab kemiskinan moral atau rohani tetapi tidak menafikan ada kaitan di antara mereka. Beliau berpendapat bahawa kekurangan pelajaran jenis yang betul adalah sebab utama kemiskinan orang-orang Melayu dan kekurangan badan-badan koperatif juga menjadi suatu sebabnya. Beliau mengagarkan bahawa keadaan puashati yang kelihatan di antara orang Melayu itu adalah disebabkan oleh perasaan segan mereka. Kesederhanaan mereka pula diwarisi dari tekanan feudal dan penindasan yang telah mereka alami. Ketiga-tiga kelemahan orang Melayu iaitu kemiskinan, keadaan puashati dan kesederhanaan boleh diperbaiki jika diberi pelajaran yang lebih baik kepada orang Melayu (Ungku Abdul Aziz; Year 1-12)

Professor Ungku A. Aziz menulis dalam artikelnya yang bertajuk 'Zahir dan Batin Ekonomi Melayu' pada tahun 1957 bahawa kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan oleh

daya usaha rendah, penindasan dan keadaan terbiar atau pengabaian (1959:7). Kira-kira 80 peratus orang Melayu adalah penduduk desa, kemiskinan di Malaysia adalah merupakan kemiskinan luar bandar, jadi boleh dikatakan kebanyakannya orang Melayu adalah miskin. Kemiskinan luar bandar boleh diatasi dengan rancangan-rancangan pembangunan desa. Beliau seperti dengan Zaba menyokong koperasi sebagai langkah terbaik dalam pembangunan desa seperti LPP dan Angkasa. Pada awalnya perlu hapuskan penindasan dan kemudian diikuti dengan pengenalan teknologi moden ke dalam kegiatan ekonomi.(1974: xi, 18-19)

Secara umumnya, semua teori dan saranan-saranan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana dalam cubaan menerangkan fenomena kemiskinan adalah berkisar di dalam 2 perspektif, iaitu perspektif situasi dan perspektif individualistik/kebudayaan kemiskinan. Perspektif situasi adalah merupakan pandangan dari aspek ekonomi manakala perspektif individualistik wujud dari pandangan Antropologi budaya. Ahli-ahli Sosiologi dipengaruhi oleh kedua-dua perspektif tetapi lebih dipengaruhi oleh perspektif individualistik.

Menurut M.Hannan, pada perspektif situasi, Keadaan kemiskinan adalah dianggap sebagai kekurangan

Kebendaan (material deprivation), manakala pada pandangan perspektif Kebudayaan Kemiskinan, Kemiskinan lebih merupakan Kekurangan Kebudayaan. Ini bermakna bahawa seseorang yang mengalami Kekurangan Kebendaan tidak semestinya miskin pada pengertian Kebudayaan ini. (Dagan & Leany, 1973:7)

Satu persoalan yang selalu timbul ialah adakah Kemiskinan itu suatu perbuatan individu itu sendiri atau disebabkan oleh Keadaan di Luar Kawalannya. Perspektif situasi melihat Kemiskinan sebagai akibat dari Keadaan di luar Kawalan manusia manakala perspektif individu menganggap Kemiskinan sebagai perbuatan seseorang itu sendiri. Controversi di antara Kedua-dua perspektif ini selalu ujud. Sebenarnya Kedua-dua perspektif ini bersama-sama mengakibatkan Kemiskinan. Menurut Williamson, et al.,:

"it is difficult to determine how much to attribute to each is that they are so interdependent. Situational factors influence personal decisions, but personal decisions shape which situational factors operate at a later time." (1975:18)

Punca-punca Kemiskinan yang lebih merupakan perspektif situasi yang disenaraikan oleh Williamson dan lain-lain adalah seperti :

- a) disosialisasi dalam Keadaan sosial Klas bawahan;
- b) peluang pelajaran dan pekerjaan yang terhad;
- c) pendapatan rendah;
- d) pengangguran;
- e) penekanan dalam ekonomi kapitalis ke atas memaksimakan Kecekapan dan Keuntungan;
- f) diskriminasi

Punca-punca Kemiskinan yang lebih diberikan oleh mereka yang berpandangan dari perspektif individu ialah:

- a) nilai, Kepercayaan dan cita-cita Klas bawahan;
- b) faktor-faktor genetik dn prenatal;
- c) Kekurangan Kesanggupan bekerja/malas;
- d) Kekurangan Kebolehan atau Kecekapan;
- e) produktiviti yang rendah akibat Ketidakupayaan dan Kurang motivasi;
- f) Keputusan sendiri yang telah dibuat pada awal hidup. (1975:19-29)

### 2. LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

Sebenarnya kedua-dua perspektif ini selalu didapati bertindih antara satu sama lain. Oscar Lewis adalah lebih bersifat perspektif individu, manakala lain-lain sarjana lebih bersifat perspektif situasi. Ada sarjana yang menggabungkan kedua-dua perspektif ini dalam mengkaji kemiskinan, iaitu kemiskinan disebabkan oleh keadaan yang di luar kawalan sendiri serta dengan tingkah laku atau sifat seseorang individu itu.

MULAI JERUNG

Pukim Jerung ini adalah sebahagian pentadbiran Pusat Daerah Marang, Kampung Pengkalan Serangan terdiri daripada beberapa kampung yang bergabung iaitu Kampung Sungai Kaya Kelat, Teling Beloy, Kampung Asing, Kampung Sungai Kotam dan Pengkalan Serangan. Kampung Pengkalan Serangan ini yang terdiri daripada beberapa kampung mengandungi kira-kira 204 jumlah isi rumah. (Berdasarkan jumlah hitung yang dilaksanakan oleh saya). Sampel kajian sebanyak 50 buah faktumah adalah diambil dari Kampung-Kampung ini, sebagaimana yang dilihat dalam

## BAB 3 LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

### 3.1 PENGENALAN

Kampung yang dikaji ialah Pengkalan Berangan yang terletak kira-kira sebelas batu dari bandar Marang dan kira-kira duapuluh dua batu dari bandar Kuala Terengganu. Kampung Pengkalan Berangan bersama-sama dengan enam buah Kampung yang lain iaitu, Temalai, Durian Penjara, Bukit Baru, Kampung Barat, Bukit Kulim dan Bukit Parit membentuk Mukim Jerung.

Mukim Jerung ini adalah dibawah pentadbiran Majlis Daerah Marang. Kampung Pengkalan Berangan terdiri daripada beberapa Kampung yang bergabung iaitu Kampung Bukit Kaya Kelat, Tanjung Belor, Kampung Asing, Kampung Bukit Kolam dan Pengkalan Berangan. Kampung Pengkalan Berangan ini yang terdiri daripada beberapa Kampung mengandungi kira-kira 204 jumlah isirumah. (Berdasarkan jumlah lisitng yang dijalankan oleh saya). Sampel kajian sebanyak 50 buah isirumah adalah diambil dari Kampung-Kampung ini.

### 3.2 ASPEK EKONOMI

#### 3.2.1 JENIS PEKERJAAN UTAMA

JENIS PEKERJAAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Pertanian (getah & padi)	24	48%
Bekerja dengan Kerajaan	6	12%
Pekerjaan jenis perkhidmatan	4	8%
Buruh Kasar	5	10%
Askar	1	2%
Peniaga/Pekedai Kecil	5	10%
Menjual Kueh	1	2%
Perternakan	1	2%
Tidak bekerja	3	6%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.1 : Jenis-jenis Pekerjaan Ketua Keluarga

Aktiviti ekonomi utama penduduk Kampung Pengkalan Berangan ialah pertanian. Ini dapat dilihat dari jadual 3.1 di atas bahawa 48% daripada sampel yang dikaji terlibat dalam pertanian. Pertanian dalam konteks ini bermakna yang terlibat dalam aktiviti menanam padi, menoreh getah dan lain-lain tanaman.

Sebanyak 52% daripada sampel yang dikaji terlibat dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan. Misalnya sebanyak 10% daripada mereka adalah terdiri daripada pekedai-pekedai kecil sama ada menjual barang-barang runcit atau kedai Kopi. Pekerjaan jenis perkhidmatan yang mengandungi sebanyak 8% ini di sini bermakna mereka yang

bekerja sebagai tukang jahit/penarik beca/pemandu teksi yang menawarkan perkhidmatan mereka untuk memperolehi pendapatan. Pekerjaan jenis buruh kasar juga menyumbang sebanyak 10%. Buruh kasar ini tidak mempunyai jenis pekerjaan yang tetap. Mereka menawarkan tenaga buruh mereka pada segala jenis pekerjaan yang ujud. Mereka bekerja sebagai tukang rumah bila ada rumah yang hendak dibina ataupun bekerja sebagai pekerja menjalankan kerja-kerja menebas pokok, membersihkan rumput, menabur racun dan lain-lain. Pendapatan mereka hanyalah diperolehi dari upah yang diterima untuk kerja-kerja yang telah diselesaikan.

Peratusan jenis pekerjaan yang paling tinggi selain daripada pertanian ialah mereka yang bekerja dengan Kerajaan iaitu 12%. Bekerja dengan Kerajaan adalah terdiri daripada, misalnya yang bekerja sebagai guru, jaga sekolah dan pekerja di Jabatan-jabatan tertentu Kerajaan.

Didapati dari Jadual 3.1 bahawa terdapat tiga Ketua Keluarga yang tidak bekerja daripada limapuluh Keluarga yang dikaji. Mereka ini tidak bekerja sama ada kerana sakit atau lanjut usianya. Ini menunjukkan bahawa Kampung ini mempunyai Ketua Keluarga yang tidak berkeupayaan bekerja untuk menampung Keluarganya.

Jenis pekerjaan yang paling kurang terdapat di kampung ini ialah sebagai askar, menjual kueh dan menternak binatang. Menternak dalam konteks ini ialah menternak secara besaran sebagai suatu pekerjaan utama.

### 3.2.2 JENIS-JENIS PEKERJAAN SAMPINGAN

JENIS PEKERJAAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Tiada Kerja Sampingan	26	52%
Pertanian	11	22%
Keugamaan	3	6%
Pekerja Ladang Getah	2	4%
Buruh Binaan	5	10%
Kilang Padi	1	2%
Menebang Pokok	1	2%
Menjaga Anak	1	2%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.2 : Jenis-jenis Pekerjaan Sampingan Ketua Keluarga

Disamping pekerjaan utama seseorang ketua keluarga juga mempunyai kerja-kerja sampingan. Didapati lebih kurang separuh daripad penduduk yang dikaji mempunyai kerja sampingan iaitu sebanyak 48%.

48% penduduk yang dikaji terlibat dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan sampingan. Bidang Pertanian merupakan jenis pekerjaan yang paling banyak terlibat iaitu sebanyak duapuluh dua peratus (22%). Peratusan yang

tinggi ini adalah kerana mereka yang berpekerjaan utama bukan pertanian berpendapat bahawa adalah penting untuk menanam padi sebab beras adalah makanan ruji mereka dan kelaparan tidak akan ujud dalam keluarganya. Aktiviti menoreh juga akan menambahkan pendapatan mereka.

Jenis pekerjaan yang kedua paling suka diceburui oleh penduduk Kampung dikaji ialah buruh binaan. Mereka bekerja sebagai tukang kayu, tukang simen dan lain-lain yang berkaitan dengan pembinaan sebuah rumah.

Selain daripada pekerjaan di atas, sebanyak 6% daripada penduduk yang dikaji terlibat dalam kerja-kerja keugamaan misalnya sebagai bilal di masjid dan guru ugama. Ada juga penduduk yang mengambil upah sebagai pekerja di ladang-ladang getah untuk menjalankan kerja membersihkan ladang, menabur racun serangga dan lain-lain kerja yang bersangkutan. Pekerjaan ini tidak tentu masanya dan bila mengetahui sesuatu ladang memerlukan pekerja, mereka akan menawarkan diri mereka. Jenis kerja ini adalah kurang berbanding dengan yang terlibat dalam pertanian iaitu hanya 4% daripada responden yang dikaji. Lain-lain kerja sampingan yang terdapat di Kampung ini ialah menebang pokok, kilang padi, menjaga anak orang dan lain-lain yang sangat kecil bilangan.

### 3.2.3 POLA PEMILIKAN TANAH

I JUMLAH MILIKAN TANAH (EKAR)	I BIL. RESPONDEN I	I PERATUS I
1 Tiada	7	14%
10.1 - 1.0	12	24%
11.1 - 2.0	11	22%
12.1 - 3.0	2	4%
13.1 - 4.0	4	8%
14.1 - 5.0	1	2%
15.1 - 6.0	3	6%
16.1 dan lebih	10	20%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.3 : Peratusan Pemilikan Tanah

Daripada jadual 3.3, didapati bahawa majoriti penduduk Kampung memiliki tanah di antara 0.1 ekar hingga 2 ekar, iaitu sebanyak 46% (24% + 22%). Jumlah isi rumah yang tidak memiliki tanah langsung juga adalah tinggi iaitu sebanyak 14% daripada isi rumah yang dikaji, manakala terdapat juga isi rumah yang memiliki lebih daripada enam ekar tanah iaitu sebanyak 20%. Dari sini boleh diperhatikan yang majoriti penduduk Kampung memiliki tanah kurang daripada dua ekar atau tiada langsung manakala sebanyak 20% memiliki tanah melebihi 6 ekar. Ini menunjukkan yang pola pemilikan tanah tidak seimbang di Kampung ini.

### 3.2.4 PENDAPATAN

JUMLAH PENDAPATAN (SEBULAN)	BIL. RESPONDEN	PERATUS
\$200 dan kurang	12	24%
\$201 - \$400	27	54%
\$401 - \$600	7	14%
\$601 - \$800	2	4%
\$801 - \$1,000	1	2%
\$1,001 dan lebih	1	2%
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100%</b>

Jadual 3.4 : Peratusan Pendapatan Sebulan Bagi Seisirumah

Jadual 3.4 menunjukkan yang majoriti penduduk Kampung adalah merupakan golongan yang berpendapatan rendah. Sebanyak 78% daripada responden yang dikaji merupakan golongan yang berpendapatan kurang daripada \$400 atau sama dengannya. Golongan penduduk yang berpendapatan di antara \$201 hingga \$400 merupakan golongan yang terbesar sekali iaitu sebanyak 54%. Hanya sebilangan kecil penduduk yang berpendapatan lebih daripada \$400 sebulan iaitu sebanyak 22% sahaja. Semakin tingginya pendapatan, maka semakin kurangnya bilangan penduduk yang berada di tingkat itu. Ini dapat diperhatikan dari Jadual 3.4, bahawa bilangan responden yang berpendapatan di antara \$401 - \$600 ialah seramai tujuh responden atau sebanyak 14%, manakala pada tingkat pendapatan di antara \$601 - \$800, bilangan responden hanyalah dua orang atau 4% sahaja. Pada tingkat pendapatan \$801 atau lebih, peratus responden turun lagi iaitu hanya sebanyak 2% sahaja.

### 3.2.5 PERBELANJAAN

JUMLAH PERBELANJAAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
\$100 dan kurang	3	6%
\$101 - \$200	16	32%
\$201 - \$300	18	36%
\$301 - \$400	9	18%
\$401 - \$500	2	4%
\$501 dan lebih	2	4%
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100%</b>

Jadual 3.5 : Jumlah Perbelanjaan Sebulan Seisirumah

Majoriti penduduk yang dikaji membelanjakan sebanyak \$101 hingga \$300 iaitu 68% daripada responden yang dikaji. Peratusan yang sangat kecil bagi penduduk yang belanja lebih daripada \$400 sebulan iaitu hanya 8% sahaja daripada responden yang dikaji. Terdapat juga penduduk kampung yang belanja kurang daripada \$100 sebulan, ini dapat diperhatikan dalam jadual 3.5. Perlu ambil perhatian di sini bahawa angka-angka perbelanjaan responden yang dikaji dalam jadual 3.5 adalah merupakan angka anggaran sahaja. Angka jumlah perbelanjaan di atas adalah merupakan jumlah perbelanjaan asas bagi sebuah isi rumah iaitu untuk makanan-minuman, pakaian, utiliti, pengangkutan, kesihatan, rokok dan sewa rumah. Perbelanjaan lain yang tidak tetap seperti membeli perabut, kenderaan, belanja sekolah dan lain-lain adalah

tidak dimasukkan dalam analisa jadual 3.5. Ini dapat dilihat jika jumlah perbelanjaan dibandingkan dengan jumlah pendapatan di jadual 3.4. Sebanyak 22% daripada responden yang dikaji berpendapatan melebihi \$400 manakala hanya 8% sahaja yang membelanja lebih daripada \$400. Perbelanjaan sebenar mereka melebihi apa yang dicatat dalam jadual 3.5.

Bagi mereka yang berpendapatan rendah iaitu yang berpendapatan kurang daripada \$400 sebulan, perbelanjaan mereka adalah lebih kurang sama dengan pendapatan mereka. Iaitu kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

### 3.2.6 POLA SIMPANAN, PINJAMAN DAN HUTANG

Jadual 3.6 di bawah menunjukkan bahawa terdapat 36% penduduk yang tidak mempunyai simpanan langsung. Ini adalah kerana kebanyakan penduduk adalah kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang - 78% pada responden adalah berpendapatan kurang daripada \$400 sebulan.

JENIS-JENIS SIMPANAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Tiada	18/50	36%
Amanah Saham Nasional	32/50	64%
Tabung Haji	8/50	16%
Simpanan Nasional	6/50	12%
Bank-bank	4/50	8%
Koperasi/Syarikat Kerjasama	1/50	2%

Jadual 3.6 : Pola Simpanan Responden

Penduduk Kampung Pengkalan Berangan paling banyak menyimpan dalam Amanah Saham Nasional iaitu sebanyak 64% daripada responden yang dikaji. Ini adalah kerana menyahut seruan kerajaan, tetapi 64% daripada ini menyimpan kurang daripada \$100.

Jenis simpanan yang kedua paling banyak disimpan oleh penduduk Kampung ialah Tabung haji, iaitu sebanyak 16% daripada responden yang dikaji. Ini diikuti dengan Simpanan Nasional dan bank dengan 12% dan 8% masing-masing. Jumlah simpanan setiap responden adalah melebihi \$100 bagi mereka yang menyimpan selain daripada Amanah Saham Nasional. Ini mungkin kerana wang yang disimpan di Amanah Saham Nasional tidak boleh dikeluarkan bila memerlukannya.

Terdapat 15 responden yang dikaji menyimpan lebih daripada satu jenis simpanan misalnya menyimpan di Amanah Saham Nasional dan Simpanan Nasional atau lebih daripada dua jenis ini.

INSTITUSI PINJAMAN	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
Bank Pertanian	3	23.0%
Bank Bumiputra	2	15.5%
Pinjaman MARA	3	23.0%
Lembaga Persatuan Peladang	3	23.0%
Koperasi Kakitangan Kerajaan	2	15.5%
Jumlah	13	100.0%

Jadual 3.7 : Pola Pinjaman Responden

Seramai 22% daripada responden yang dikaji ada membuat pinjaman. Terdapat 2 responden yang mempunyai pinjaman lebih daripada satu jenis institusi pinjaman. Ini menerangkan mengapa bilangan responden di Jadual 3.7 ialah tiga belas. Jadual 3.7 menunjukkan bahawa institusi-institusi pinjaman yang memainkan peranan di Kampung Pengkalan Berangan ini ialah bank Pertanian, Bank Bumiputra, Bank MARA, LPP dan Koperasi Kakitangan Kerajaan. Peratusan di antara institusi-institusi ini adalah lebih kurang sama, ini menunjukkan yang peranan institusi-institusi ini adalah agak sama bagi membantu penduduk di Pengkalan Berangan ini.

I SEBAB HUTANG	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
Perbelanjaan Pengeluaran	3	30%
Pembelian Harta	3	30%
Perbelanjaan Keluarga	3	30%
Membalik Rumah	1	10%
Kenduri/Perayaan	0	-
Lain-lain	0	-
----- ----- -----		
Jumlah	10	100.0%

Jadual 3.8 : Sebab-sebab Berhutang Responden

Didapati hanya 10 responden sahaja yang ada berhutang iaitu 20% daripada jumlah penduduk yang dikaji. Jadual 3.8 menunjukkan bahawa sebab-sebab utama penduduk Kampung berhutang ialah untuk perbelanjaan pengeluaran,

pembelian harta dan perbelanjaan keluarga. Perbelanjaan pengeluaran bermakna perbelanjaan modal untuk tanaman-tanaman mereka seperti belanja membajak tanah, membeli benih dan racun. Pembelian harta adalah seperti membeli perabut-perabut rumah, talivisyen, mesin jahit dan kenderaan. Perbelanjaan keluarga pula bermakna perbelanjaan untuk keperluan harian keluarga misalnya untuk membeli makanan-minuman, pakaian, belanja sekolah dan lain-lain.

Sebanyak 50% daripada mereka yang berhutang adalah secara hutang ambil barang. Sebanyak 30% adalah secara jual-beli dan 20% secara ansuran. Tidak terdapat hutang secara wang tunai atau pinjaman wang tunai. Ini dapat dilihat pada jadual 3.9. Cara jual-beli dalam konteks ini adalah seperti menggadai emas dan menggadai tanah. Cara ansuran adalah seperti membeli talivisyen, mesin jahit, motosikal dan lain-lain perabut rumah.

CARA HUTANG	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Tunai	-	-
Ambil Barang	5	50%
Jual Janji	3	30%
Ansuran	2	20%
Lain-lain	1	10%
Jumlah	10	100.0%

Jadual 3.9 : Peratusan Cara Hutang Responden

### 3.3 ASPEK SOSIAL

#### 3.3.1 KEMUDAHAN SOSIAL

JENIS-JENIS	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Paip	2	4%
Pam	3	6%
Air Perigi	45	90%
Lain-lain	-	-
Jumlah	50	100.0%

Jadual 3.10: Peratusan Jenis Bekalan Air

JENIS-JENIS	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Elektrik	48	96%
Generator	-	-
Lampu Minyak Tanah	2	4%
Lain-lain	-	-
Jumlah	50	100.0%

Jadual 3.11: Peratusan Jenis Bekalan Api

Kemudahan sosial bagi Kampung Pengkalan Berangan ini masih belum lengkap lagi. Hanya 4% sahaja penduduk Kampung memperolehi air paip dan terdapat 6% penduduk yang menggunakan pam air. Yang lainnya iaitu 90% penduduk menggunakan air dari perigi. Bekalan air paip baru mula diadakan kira-kira sebulan semasa kajian dijalankan. Oleh sebab itu hanya beberapa buah rumah yang memperolehi air paip.

JENIS-JENIS	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Tiada	11	22%
Moden	2	4%
Curah	32	64%
Lubang	4	8%
Sungai	1	2%
Lain-lain	-	-
Jumlah	50	100%

Jadual 3.12 : Peratusan Jenis Tandas

Jadual 3.12 menunjukkan bahawa majoriti penduduk Kampung menggunakan tandas jenis curah ialah sebanyak 64% penduduk. Kemudahan tandas masih belum memuaskan di Kampung ini. Ini dapat dilihat dari jadual 3.12 bahawa sebanyak 22% daripada penduduk Kampung tidak mempunyai tandas langsung. Mereka terpaksa menggunakan tandas jiran atau disemak-samun.

Walau bagaimanapun bekalan elektrik adalah memuaskan di Kampung ini. Seramai 96% penduduk memperolehi kuasa elektrik dari Kerajaan. Terdapat dua responden yang dikaji menggunakan lampu minyak tanah, ini adalah kerana bekalan elektrik mereka telah dipotong akibat dari tidak membayar bilnya.

Pengangkutan adalah agak memuaskan; terdapat jalan minyak tar menghubungi Kampung ini dengan

bandar-bandar yang berdekatan seperti Kuala Terengganu, Ajil, Wakaf Tapai dan lain-lain. Perkhidmatan bas ke Kuala Terengganu pada kira-kira 2 jam sekali. Terdapat juga perkhidmatan teksi dan 'Kereta sapu'.

Terdapat hanya 1 telefon awam di Kampung ini dan ia adalah selalu rosak. Jadi perhubungan melalui telefon adalah agak susah. Kadang-kadang penduduk Kampung terpaksa meminjam telefon dari jabatan-jabatan Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Marang yang terletak di Kampung ini.

Terdapat sebuah wakil pos di Kampung ini dan perkhidmatan pos adalah setiap hari kecuali hari Jumaat. Sebagai kesimpulan boleh dikatakan kemudahan sosial yang masih kurang lengkap ialah perkhidmatan telefon, paip air dan tandas.

### 3.3.2 KEADAAN RUMAH

I JENIS-JENIS	I BIL. RESPONDEN	I PERATUS
I Batu	I -	I -
I Papan & Batu	I -	I -
I Papan	I 50	I 100%
I Attap	I -	I -
I Jumlah	I 50	I 100%

Jadual 3.13 : Peratusan Jenis Dinding

JENIS-JENIS	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
Tile	4	8%
Asbestos	11	22%
Zinc	8	16%
Attap	11	22%
Lain-Lain	16	32%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.14 : Peratusan Jenis Bumbung

KEADAAN RUMAH	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
Baik	9	18%
Sederhana	33	66%
Buruk	8	16%
Nak Runtuh	-	-
Jumlah	50	100%

Jadual 3.15 : Peratusan Keadaan Rumah

Keadaan rumah majoriti penduduk Kampung adalah sederhana sahaja seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.15 bahawa terdapat 66% daripada responden yang dikaji. Tiada Keadaan rumah yang nak runtuh Kecuali ada yang buruk sahaja iaitu Kadang-kadang bocor bila hari hujan, tetapi tidak sampai Keadaan nak runtuh. Semua rumah boleh dikatakan masih boleh diduduki manusia. Keadaan rumah yang baik kurang terdapat di Kampung ini iaitu hanya 18% sahaja.

Semua rumah yang dikaji adalah dibuat daripada papan, ini mungkin menerangkan tiadanya rumah yang nak runtuh. 100% penduduk dinding rumah mereka dibuat daripada papan seperti dalam jadual 3.13. Bumbung rumah Kampung adalah diperbuat daripada berbagai jenis bahan, tetapi jenis bumbung yang paling banyak terdapat ialah gabungan antara attap dan zinc atau gabungan antara attap dan asbestos, iaitu 32% seperti yang ditunjukkan dalam jenis lain-lain di jadual 3.14. Bumbung jenis demikian adalah kerana renovasi ke atas rumah mereka dengan menggantikan sebahagian attap dengan zinc atau asbestos bila mereka mempunyai wang. Mereka tidak mampu menggantikan semua bumbung attap lama mereka. Terdapat juga yang memperbesarkan rumah mereka dan tambahan-tambahan ini adalah dibuat daripada zinc dan asbestos.

Selepas bumbung jenis gabungan sebagai yang paling banyak terdapat di Kampung ini, ia diikuti oleh jenis asbestos dan attap iaitu Kedua-duanya 22%. Semakin mahal jenis bumbung itu, maka semakin kurang penduduk Kampung mampu memilikiinya, misalnya tile dipunyai oleh 8% penduduk sahaja.

JENIS HAKMILIK	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
I Ketua Keluarga	26	52%
IIsteri/suami Ketua Keluarga	11	22%
IBapa/ibu Ketua Keluarga	6	12%
ISaudara-mara	2	4%
ITuan-tanah	4	8%
ILain-lain	1	2%
I Jumlah	50	100%

Jadual 3.16 : Pola Hakmilik Tapak Rumah

JENIS HAKMILIK	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
I Ketua Keluarga	36	72%
IIsteri/suami Ketua Keluarga	6	12%
IBapa/ibu Ketua Keluarga	4	8%
ISaudara-mara	0	-
ITuan-tanah	3	6%
ILain-lain	1	2%
I Jumlah	50	100%

Jadual 3.17 : Pola Hakmilik Rumah

Selain daripada majoriti penduduk Kampung tidak berkemampuan memiliki rumah yang mewah, mereka juga tidak semua yang mampu memiliki rumah atau tapak rumah. Ini dapat diperlihatkan dalam jadual 3.16 dan jadual 3.17. Terdapat hanya 52% Ketua Keluarga memiliki tapak tanah tanah dan 72% memiliki rumah. Jadi terdapat penduduk Kampung yang terpaksa menyewa rumah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.17 bahawa 6% rumah responden

dimiliki oleh tuan rumah. Didapati isteri/suami ketua keluarga juga memainkan peranan besar dalam peratusan pemilikan tapak tanah rumah, iaitu Kira-Kira 22% yang merupakan peratusan yang kedua besar.

### 3.3.3 PELAJARAN

TINGKAT PELAJARAN	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
ITiada	22	44%
ISekolah Dewasa/Pondok	4	8%
ISekolah Rendah	21	42%
ISek. Menengah 1 -3	2	4%
ISek. Menengah 4 -5	1	2%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.18 : Tingkat Pencapaian Pelajaran Ketua Keluarga

Di Kampung Pengkalan Berangan, terdapat sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah sehingga tingkatan tiga sahaja. terdapat juga sebuah tadika atau Taman Bimbingan Kanak-Kanak yang diadakan oleh KEMAS untuk Kanak-Kanak di bawah umur 7 tahun.

Jika dikaji tingkat pelajaran Ketua Keluarga, didapati hampir separuh daripada penduduk adalah tidak bersekolah langsung. Jadual 3.18 menunjukkan majoriti mereka yang bersekolah adalah di peringkat sekolah rendah

sahaja iaitu sebanyak 42%. Terdapat peratusan yang sangat kecil, yang bersekolah lebih tinggi daripada sekolah rendah, iaitu hanya 6% sahaja. Tidak terdapat seorang pun responden yang bersekolah lebih tinggi dari tingkatan lima. Selain daripada pelajaran formal, terdapat juga pelajaran tidak formal seperti sekolah pondok atau sekolah dewasa yang dihadiri oleh penduduk kampung terutama penduduk yang lebih tua umurnya tetapi bilangan mereka adalah kecil iaitu hanya 8% sahaja.

TINGKAT PELAJARAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Sampai Sekolah Rendah	12	27%
Sampai Tingkatan 1/2/3	13	29%
Sampai Tingkatan 4/5	13	29%
Sampai Tingkatan 6	5	11%
Sampai Universiti	2	4%
Jumlah	45	100%

Jadual 3.19 : Tingkat Pelajaran Ahli-ahli Keluarga Pada Masa Kajian

Untuk mengetahui taraf pencapaian persekolahan ahli-ahli keluarga (anak-anak) pada masa ini, kajian dibuat atas tingkat pelajaran yang paling tinggi sedang dicapai oleh ahli seseorang responden. Ia berdasarkan pada waktu semasa kajian dibuat (April 1985). Dari jadual 3.19 didapati hanya 2 buah keluarga sahaja yang dikaji

mempunyai ahli keluarga sedang belajar di Universiti. Semakin tinggi tingkat pelajaran, maka semakin kurang bilangan keluarga yang mencapainya misalnya yang capai tingkatan Enam hanya 11% dan yang di universiti 4% sahaja.

Angka jumlah responden di jadual 3.19 adalah hanya 45 sahaja; ini adalah kerana sebanyak 5 orang responden tidak mempunyai anak ataupun anak mereka masih kecil (di bawah had umur persekolahan). Mereka ini tidak dimasukkan dalam kajian ini.

Dari jadual 3.19 dapat dilihat bahawa bilangan keluarga yang mempunyai ahli-ahli yang sedang belajar di tingkatan 4 atau 5 dan di tingkatan 1 atau 2 atau 3 adalah paling tinggi tetapi maklumat dari jadual 3.19 ini adalah secara anggaran atau kasar sahaja kerana ia berdasarkan pada masa semasa kajian dijalankan. Seseorang ini masih atau sedang bersekolah jadi kurang pasti tahap mana merupakan tahap terakhirnya.

### 3.3.4 KESIHATAN

Terdapat sebuah klinik di Kampung Kayu Kelat iaitu Klinik Mukim Jerung, yang merupakan klinik bidan dan Kanak-Kanak. Klinik ini adalah dekat kerana Kampung-Kampung di Pengkalan Berangan berdekatan antara

satu sama lain. Jarak responden yang paling jauh dari klinik adalah kira-kira dua batu sahaja. Jadual 3.20 menunjukkan hanya 46% penduduk yang pergi melawat klinik ini pada tahun ini (pada masa kajian).

BILANGAN LAWATAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Tiada	27	54%
1 - 2	6	12%
3 - 4	8	16%
5 - 6	5	10%
Lebih 6	4	8%
Jumlah	50	100%

Jadual 3.20 : Bilangan Lawatan Ke Klinik Tahun ini (3 Bulan)

Tempat Rawatan	Hospital		Klinik Kerajaan		Swasta		Dukun/ Bonoh	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Selalu	9	18%	30	60%	8	16%	21	42%
Kurang	34	64%	16	32%	21	42%	22	44%
Tidak Pernah	7	14%	4	8%	21	42%	7	14%
Jumlah	50	100%	50	100%	50	100%	50	100%

Jadual 3.21 : Jenis-jenis Tempat Rawatan

Didapati dari jadual 3.21 bahawa tempat rawatan yang paling kerap dilawati oleh penduduk Kampung ialah

klinik kerajaan dan yang paling tidak pernah dilawati ialah klinik swasta. Hanya 8% sahaja yang tidak pernah melawati klinik kerajaan berbanding dengan 42% di klinik swasta. Tempat rawatan yang kedua kerap kali dilawati oleh penduduk kampung ialah bomoh/dukun, kemudian diikuti dengan hospital dan akhir sekali atau paling jarang sekali dilawati ialah klinik swasta. Ini mungkin kerana rawatan dari klinik swasta perlu dibayar. Mereka hanya pergi ke hospital bila sakit tenat atau mengalami kecederaan teruk sahaja, oleh itu kurang pergi ke hospital.

### **3.4 ASPEK POLITIK**

Kampung Pengkalan Berangan adalah di dalam Mukim Jerung dan Mukim Jerung adalah di bawah pentadbiran Majlis Daerah Marang. Terdapat seorang penghulu di Mukim Jerung. Di Pengkalan Berangan terdapat dua orang ketua kampung kerana kawasan ini agak luas untuk dikendali oleh seorang ketua kampung. Adanya pertubuhan kampung yang membincangkan hal-hal kampung iaitu Ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung untuk dianggotai oleh penduduk-penduduk kampung.

Parti politik yang kuat di kampung Pengkalan Berangan ini ialah parti UMNO dan parti PAS. Permusuhan di antara ahli-ahli yang berlainan parti adalah ketara. Misalnya ujudnya dua masjid dan kenduri ahli UMNO tidak akan dihadiri oleh ahli-ahli PAS.

Sebab-sebab	Ideologi	Kemudahan	Pemimpin	Demokratik	Agama	Tak Lain-lain	Bil.
Parti Politik			Ikhlas			Tahullain	
UMNO	2	13	3	5	6	5	36
PAS	-	-	2	-	7	2	11
Jumlah	2	13	5	5	13	7	48

Jadual 3.22 : Parti Politik Yang Disukai Dan Sebabnya

Daripada responden yang dikaji, 2 orang responden enggan menjawap soalan tentang parti kesukaannya. Jadi jumlah bilangan responden pada Jadual 3.22 adalah 48 orang sahaja. Jadual 3.22 juga menunjukkan bahawa majoriti penduduk adalah suka pada parti UMNO iaitu 36 responden atau sebanyak 72%. Sebab utama menyukai parti UMNO ialah faktor kemudahan dan sebab utama menyukai parti PAS ialah faktor ugama. Kepentingan tiap-tiap sebab dapat dilihat dalam Jadual 3.22 berdasarkan bilangan responden yang ada.

Tidak semua responden tahu mengapa ia suka pada parti-parti tertentu. Mereka mungkin menjadi 'Pak turut' sahaja. Mengikut sahaja apa yang dicakapkan oleh orang lain. Terdapat 7 orang responden yang dikaji tidak tahu sebab menyukai sesuatu parti iaitu kira-kira 14% daripada penduduk Kampung.

Daripada 50 responden yang dikaji, didapati hanya 5 responden sahaja yang mengutamakan calon ketika

mengundi, manakala majoriti penduduk mengutamakan parti Ketika mengundi iaitu 90% daripada penduduk. Ini bermakna majoriti penduduk kurang perduli siapa calon itu dan akan mengundinya jika ia adalah mewakili parti kesukaan mereka.

Parti yang disukai	UMNO		PAS	
Parti yang dibenci	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
UMNO	-	-	4	33%
PAS	21	58%	-	-
IDAP	1	3%	-	-
PSRM	6	17%	4	33%
Parti Pembangkang	2	6%	-	-
Parti selain dari disukai	3	8%	1	9%
PAS	3	8%	3	25%
Jumlah	36	100%	12	100%

Jadual 3.23 : Parti Politik yang Paling Dibenci

Daripada 36 orang responden yang suka pada parti UMNO, didapati 58% daripadanya paling benci pada parti PAS; manakala daripada 12 orang responden yang suka pada parti PAS, didapati hanya 33% dri pada mereka benci pada parti UMNO. Ini ditunjukkan dalam jadual 3.23 tetapi kebenaran ini tidak mutlak kerana ini adalah satu isu sensitif dan seseorang responden ini tidak semestinya memberi jawapan yang benar. Jika dilihat dari jadual 3.23, didapati bahawa parti PSRM adalah parti yang kedua paling

dibenci oleh penduduk Kampung, selain daripada parti PAS atau UMNO. Disebabkan ia merupakan satu soalan sensitif terdapat responden yang enggan memberi pendapat mereka iaitu 25% daripada mereka yang sukaikan parti PAS dan 8% daripada mereka yang sukaikan parti UMNO.

Menurut kajian yang dilakukan dengan menyeluruh di dalam Kampung, hasil kajian bersempena dengan penduduk di sana menunjukkan bahawa mereka yang sukaikan parti PAS adalah sebanyak 30% dan mereka yang sukaikan parti UMNO adalah sebanyak 22%.

Berdasarkan perincian yang diberikan dalam kajian ini dengan "pendukung" dan "sukaikan" mengakibatkan pengaruh politik dan sosialisme merupakan perkara utama di kalangan mereka.

Kemudian kajian yang dilakukan dengan menyeluruh di dalam Kampung Pengkalan Besangan diantara mereka yang sukaikan parti PAS dan parti UMNO menunjukkan bahawa mereka yang sukaikan parti PAS merupakan sebanyak 30% dan mereka yang sukaikan parti UMNO adalah sebanyak 22%.

Pada akhirnya analisis sehadap jumlah penduduk yang sukaikan parti PAS dan parti UMNO juga dapat dilihat melalui persentase yang mereka miliki dalam mengakibatkan pendapat sebahagian penduduk Kampung sebagai di bawah penilaian lain seperti parti PAS dan parti UMNO.

## BAB 4 PUNCA-PUNCA KEMISKINAN

### 4.1 PENGENALAN

Bab ini adalah suatu bab yang penting dalam analisa Kampung Pengkalan Berangan berhubung dengan Kemiskinan. Saya akan bermula dengan mengukur Kemiskinan di Kampung pengkalan Berangan untuk melihat sama ada penduduk di situ miskin atau tidak berdasarkan pendapatan bulanan mereka.

Saya akan melihat perhubungan di antara pekerjaan dengan pendapatan dan seterusnya mengkaji dengan lebih detail ke atas pertanian yang merupakan pekerjaan utama di Kampung ini.

Saya juga akan mengkaji masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Pengkalan Berangan dari kaca mata mereka, serta melihat sikap dan pandangan hidup mereka, iaitu adakah terdapatnya perubahan dalam sikap dan pandangan hidup penduduk Kampung?

Akhir sekali, analisis terhadap peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan juga dibuat untuk melihat peranan yang mereka mainkan dalam meningkatkan pendapatan sebulan sebahagian penduduk Kampung selain daripada bantuan-bantuan lain seperti dari Lembaga Persatuan Peladang.

#### 4.2 PENGUKURAN KEMISKINAN

Cara mutlak digunakan untuk mengukur kemiskinan di Kampung Pengkalan Berangan. Garis kemiskinan yang ditetapkan oleh SERU pada tahun 1983 ialah \$384 sebulan untuk sekeluarga lima orang. Di sini, pendapatan keluarga merupakan faktor penentuan sama ada keluarga itu miskin atau bukan berdasarkan pendapatan yang dibayarkan bulanan atau tidak.

**HURUFAN PERDAPATAN DENGAN KEMISKINAN**  
Pendapatan per kapita digunakan untuk melihat peratus kemiskinan berdasarkan garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh SERU. Pendapatan per kapita mengikut SERU ialah \$76.8 sebulan ( $\$384/5$ )

PENDAPATAN PER KAPITA	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
\$30 dan kurang	16	112%
\$31 - \$60	124	148%
\$61 - \$90	17	114%
\$91 - \$120	16	112%
\$121 - \$150	14	18%
\$150 ke atas	13	16%
Jumlah	150	100%

Jadual 4.1 : Peratus Pendapatan Per Kapita Sebulan Di Kampung Pengkalan Berangan

Dari jadual 4.1, peratusan yang paling tinggi bagi penduduk kampung ialah di antara pendapatan per kapita \$31 hingga \$60. Peratusan adalah rendah bagi

pendapatan per Kapita di antara \$121 - \$150 atau \$150 Ke atas. Dari analisa data, didapati 68% responden yang pendapatan per Kapitanya kurang dari \$76.8 sebulan dan hanya 32% responden yang melebihi \$76.8 sebulan. Dengan lain perkataan, 68% penduduk Kampung Pengkalan Berangan berada di bawah garis Kemiskinan atau majoriti penduduk Kampung berada dalam Keadaan yang dianggap miskin.

#### 4.3 HUBUNGAN PENDAPATAN DENGAN JENIS PEKERJAAN KETUA KELUARGA

Dengan melihat perhubungan pendapatan dengan Jenis pekerjaan Ketua Keluarga, didapati pekerjaan jenis pertanian adalah lebih berkaitan dengan pendapatan yang rendah. Ini boleh dilihat dengan jelas dari jadual di bawah:

JENIS PEKERJAAN	PENDAPATAN SEBULAN						Jumlah
	Kurang	\$101 - \$201	\$201 - \$301	\$301 - \$400	\$400 - \$500	\$500+	
Pertanian	5	12	5	2	1	1	24
Bekerja dengan Kerajaan	-	1	1	2	2	1	6
Jenis perkhidmatan	-	1	3	1	1	1	4
Buruh Kasar	-	2	1	2	1	1	5
Askar	-	1	1	1	1	1	4
Pekadai	-	3	1	1	1	1	5
Menjual Kueh	1	1	1	1	1	1	1
Perternakan	-	1	1	1	1	1	4
Jumlah	6	17	11	7	4	2	47

Jadual 4.2 : Perhubungan Pendapatan Dan Jenis Pekerjaan Ketua Keluarga

Hanya 47 Ketua Keluarga yang bekerja daripada 50 orang responden yang dikaji. Didapati majoriti Ketua Keluarga yang terlibat dalam pertanian adalah berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan, iaitu 22 Ketua Keluarga atau kira-kira 92% daripada Ketua Keluarga yang terlibat dalam pertanian. Ketua Keluarga yang bekerja dengan Kerajaan pula, majoritinya berpendapatan lebih daripada \$300 sebulan iaitu 5 daripada 6 Ketua Keluarga atau kira-kira 80%.

Pendapatan Ketua Keluarga yang bekerja sebagai pekedai adalah berbeza-beza bergantung kepada saiz kedai dan jenis perniagaan yang dijalankan. 3 Ketua Keluarga berpendapatan di antara \$101 ke \$200 manakala 2 Ketua Keluarga berpendapatan di antara \$401 ke \$600. Pekedai yang mempunyai pendapatan melebihi \$400 adalah yang mempunyai kedai yang besar yang menjual pelbagai barang keperluan dapur dan juga sebagai wakil pos serta kedai Kopi; manakala yang berpendapatan kurang dari \$400 sebulan hanya memiliki sebuah kedai yang kecil dan menjual barang-barang runcit yang terhad sahaja.

Selain daripada pertanian, menjadi buruh Kasar serta penjual kueh juga merupakan pekerjaan yang berpendapatan rendah.

#### 4.4 PERTANIAN

Oleh kerana pekerjaan jenis pertanian boleh dikatakan sebagai jenis pekerjaan yang berpendapatan rendah berbanding dengan pekerjaan lain serta merupakan pekerjaan utama Kampung ini, kajian saya akan tertumpu kepada pertanian ini. Jadual 4.3 dibawah menunjukkan bahawa 41 isirumah daripada 50 isirumah yang dikaji terlibat dalam pertanian, tidak kira apa jenis penglibatannya iaitu sebanyak 82% isirumah di Kampung Pengkalan Berangan terlibat dalam pertanian. Jadi hanya 18% sahaja isirumah yang tidak terlibat dalam pertanian. Untuk keterangan lanjut, lihat jadual 4.3 di bawah.

IJENIS PENGLIBATAN	IBIL. ISIRUMAH	PERATUS
I Pekerjaan Utama	24	48%
I Kerja Sampingan	11	22%
I Lain-lain Ahli Keluarga	3	6%
I Pawah Kepada orang lain	3	6%
I Tidak terlibat	9	18%
I Jumlah	50	100%

Jadual 4.3 : Penatusan Penglibatan Dalam Pertanian

Dalam kes Kampung ini, sistem pawah dianggap terlibat dalam pertanian, walaupun pawah kepada orang lain kerana tuan tanah ada terlibat dalam kerja-kerja pertanian seperti membajak sawah dan menuai padi.

3.2.1 Konsep pertanian dalam konteks ini seperti yang dinyatakan dalam bab 3.2.1 adalah bermaksud kegiatan menanam padi, menoreh getah dan tanaman-tanaman lain.

Pengaruh iklim berupaya dijelaskan

JENIS PEMILIKAN	BILANGAN	PERATUS
Tanah Sawah dan tanah Getah	10/50	20%
Tanah Sawah sahaja	13/50	26%
Tanah Getah sahaja	2/50	4%
Jumlah	25/50	50%

Jadual 4.4 : Pola Pemilikan tanah-getah dan padi sahaja

Hanya 25 isi rumah daripada 50 isi rumah yang dikaji mempunyai tanah getah atau tanah sawah ataupun kedua-duanya sekali; ini menunjukkan bahawa hanya 50% atau separuh sahaja penduduk Kampung memiliki tanah getah atau tanah sawah. Peratus penduduk yang memiliki kedua-dua jenis tanah sawah dan getah juga adalah rendah; iaitu hanya 16% daripada jumlah penduduk. Penduduk Kampung adalah lebih banyak memiliki tanah sawah berbanding dengan tanah getah dengan peratus masing-masing 46% (26% + 20%) untuk tanah sawah dan 24% (20% + 4%) untuk tanah getah. Untuk lebih jelas, lihat Jadual 4.4 di atas.

#### 4.4.1 PADI

Tanah sawah yang dikerjakan oleh penduduk Kampung Pengkalan Berangan adalah terletak di luar Kawasan Skim Pengairan Utama Kerajaan. Jadi penanaman dua musim setahun tidak dapat dijalankan dengan tidak terdapatnya sistem pengairan yang moden.

Penduduk Kampung mula menanam padi pada akhir bulan November dan awal bulan Disember, manakala Kegiatan membajak tanah adalah lebih awal dari itu. Lembaga Persatuan Peladang Marang yang terletak di Kampung Kayu Kelat menyewakan jentera membajak kepada penduduk Kampung untuk membajak tanah. Ada sebilangan kecil yang tidak mampu menyewa jentera itu membajak sawah secara tradisi dengan menggunakan kerbau. Ada juga penduduk Kampung yang memiliki jentera membajak tetapi bilangannya sangat kecil; hanya 3 atau 4 buah isirumah sahaja yang mampu memilikinya.

Berbagai-bagai cara digunakan dalam memperolehi tenaga buruh dalam Kegiatan menanam padi. Antaranya ialah mengupah orang, tolong menolong di antara beberapa Keluarga ataupun menyiapkan kerja itu dengan sendiri oleh ahli-ahli seisirumah.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Marang memberi baha padi dengan percuma kepada petani-petani dan juga menjual racun padi kepada mereka dengan harga yang lebih murah daripada Kedai-Kedai di bandar.

Padi adalah dituai pada kira-kira bulan April. Tidak terdapat jentera menuai yang moden di sini, penduduk Kampung masih menggunakan cara tradisional. Kebanyakkan mereka tidak membanting padi, mereka turut memasukkan padi yang dituai dalam guni. Guni-guni yang penuh dengan padi akan disimpan dalam rumah padi. Boleh dikatakan yang setiap petani mempunyai sebuah rumah padi. Majoriti penduduk Kampung tidak menjual padi mereka, hasil yang diperolehi adalah untuk makanan sepanjang tahun keluarga sahaja. Hanya sebilangan kecil yang mempunyai lebihan akan menjualnya kepada LPP Bukit Payung yang berada tidak jauh dari Kampung ini. Padi yang disimpan tanpa dibanting dikatakan oleh penduduk Kampung sebagai lebih tahan lama. Bila diperlukan, baru ia dikeluarkan sebanyak mana yang perlu untuk dihantar ke Kilang padi untuk diproses menjadi beras.

JENIS	BILANGAN	PERATUS
Tidak terlibat dalam penanaman padi	14	28%
Pemilik (pawah kepada orang lain)	5	10%
- pengera	15	30%
- penyewa (pawah)	2	4%
Penyewa - sewa	3	6%
- pawah	6	12%
- sewa & pawah	1	2%
Lain-lain	3	6%
Pemilikan lain-lain	1	2%
Jumlah	50	100%

Jadual 4.5 : Pola hak milik Tanah Sawah

GANTANG	PEMILIK		PENYEWA/LAIN-LAIN	
	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS
Kurang dari 100	-	-	1	7.7%
101 - 200	1	5.6%	2	15.4%
201 - 300	2	11.1%	4	30.7%
301 - 400	3	16.7%	2	15.4%
401 - 500	5	27.7%	1	7.7%
501 - 600	3	16.7%	-	-
601 - 700	2	11.1%	3	23.1%
701 - 800	2	11.1%	-	-
Lebih dari 800	-	-	-	-
Jumlah	18	100.0%	13	100.0%

Jadual 4.6 : Hasil Keluaran Bersih Padi

\* Pemilik yang pawah kepada orang lain tidak dikira dalam Jadual ini. Dengan beranggapan bahawa :

Jumlah Pemilik = (Pemilik-pengerja + pemilik-penyewa + pemilik dan lain-lain)

Iaitu : 18 = (15 + 2 + 1)

Jumlah penyewa/lain-lain = (sewa + pawah + sewa dan pawah + lain-lain)

iaitu : 13 = (3 + 6 + 1 + 3)

TIKAR	PEMILIK		PENYEWA/LAIN-LAIN	
	IBIL.	PERATUS	IBIL.	PERATUS
11.0 atau kurang	6	33.3%	7	53.8%
11.1 - 2.0	10	55.7%	3	23.1%
12.1 - 3.0	1	5.5%	2	15.4%
13.1 - 4.0	-	-	1	7.7%
14.1 - 5.0	1	5.5%	-	-
15.1 atau lebih	-	-	-	-
Jumlah	18	100.0%	13	100.0%

\*

Jadual 4.7 : Keluaran Tanah Sawah

Dengan merujuk kepada Jadual 4.5, didapati 36 isi rumah ataupun kira-kira 72% daripada penduduk Kampung terlibat dalam penanaman padi. Daripada peratus ini, jenis pemilik-pengerja adalah yang paling tinggi bilangannya iaitu 30%. Pemilik-pengerja adalah pemilik yang mengerjakan tanah itu sendiri. Pemilik-pengerja juga merupakan kumpulan yang terbesar iaitu 15 isi rumah (65%) daripada 23 isi rumah yang memiliki tanah sawah.

Penyewa adalah petani yang menggunakan tanah orang lain dengan memberi sesuatu bayaran. Dalam Kes Kampung ini, terdapat dua jenis bayaran iaitu sewa dan pawah. Sewa adalah dibayar dengan wang ringgit, manakala pawah adalah dibayar dengan hasil tanaman. hanya 4

isirumah yang sewa tanah orang lain daripada 50 isirumah yang dikaji, dengan bayaran masing-masing; 1 1/2 ekar sebanyak \$80.00, 1 ekar sebanyak \$50.00, 1/2 ekar sebanyak \$30.00 dan sebanyak \$20.00. Jika dibandingkan bilangan sewa dengan bilangan pawah (9 isirumah), didapati bilangan pawah adalah lebih tinggi. Ini menunjukkan yang penduduk Kampung lebih suka menyewa cara pawah dari cara sewa. Ini mungkin kerana mengalami masalah membayar sewa oleh petani. Cara pawah yang paling kerap digunakan oleh petani Kampung ini ialah "Bahagi Tiga", iaitu sebanyak 1/3 padi disawah adalah Kepunyaan tuan tanah manakala 2/3 padi di sawah adalah Kepunyaan penyewa. Dengan bermakna yang tuan tanah dan penyewa akan menuai padi mereka masing-masing. Penyewa tidak menuai semua padi di sawah dan menyerahkan hasil tertentu pada tuan tanah.

Lain-lain dalam jadual 4.5 bermakna petani yang menggunakan tanah sawah tanpa perlu membayar apa-apa daripada emak-mertua/bapa-mertua atau bapa sendiri atau saudara-mara yang lain.

Petani bukan sahaja menggunakan satu cara untuk memperolehi tanah sawah tetapi juga menggunakan lebih dari satu cara iaitu campuran dua cara, misalnya pemilik tanah sendiri juga pawah tanah orang lain; sewa dan juga pawah;

atau lain-lain kombinasi untuk menambahkan tanah sawah. Untuk keterangan lebih jelas, sila rujuk Jadual 4.5

Berdasarkan Jadual 4.6, hasil keluaran bersih padi pemilik adalah lebih tinggi daripada hasil keluaran bersih padi penyewa/lain-lain. Sebanyak 12 bilangan pemilik mempunyai hasil keluaran lebih daripada 400 gantang manakala penyewa/lain-lain hanya 4 isirumah sahaja. Kelihatan bilangan penyewa lebih tertumpu pada hasil keluaran padi kurang daripada 400 gantang dalam Jadual 4.6 berbanding dengan bilangan pemilik. Ini mungkin disebabkan oleh penyewa yang terpaksa menyerahkan 1/3 padi mereka kepada tuan tanah pawah dan juga kerana tanah yang diusaha itu adalah lebih kecil; seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7; tetapi kedua-dua pemilik dan penyewa/lain-lain tidak memiliki dan juga tidak menanam lebih daripada 5 ekar tanah. Majoriti penyewa/lain-lain (53.3%) menanam padi pada luas tanah 1 ekar atau kurang manakala majoriti pemilik (55.7%) menanam padi keluaran tanah di antara 1.1 ke 2.0 ekar. Sila rujuk pada Jadual 4.7

Dalam pengiraan hasil keluaran padi seekar, saya hanya mengira angka-angka pemilik-pengerja untuk menyenangkan pengiraan iaitu 15 isirumah sahaja. Berdasarkan Jadual di bawah, purata keluaran seekar padi ialah 245 gantang (7350/30).

EKAR TANAH	HASIL KELUARAN	(GANTANG)
1	2	600
	3	500
1	1	200
	2	800
2	2	500
	1	500
2	2	300
	2	300
4.2	5	400
	2	700
	2	600
	2	700
	2	400
	1	500
	1	350
	30	7350

Jadual 4.8 : Luas Ekar Dan Hasil Keluaran padi  
Pemilik-Pengerja

Perbelanjaan bagi seekar tanah adalah berbeza-beza dari sebuah isirumah ke isirumah yang lain. Jadi pengiraan purata perbelanjaan seekar padi adalah sangat sukar. Kebanyakkan petani hanya membelanjakan wang untuk membajak tanah sawah sahaja. Sebahagian juga membelanjakan wang untuk mengupah pekerja dalam menanam dan menuai padi. Bilangan pekerja dan bilangan hari mengupah pekerja upahan adalah berlainan mengikut kemampuan setiap isirumah dalam menyiapkan kerja itu dengan sendirinya bersama-sama ahli-ahli seisirumah. Hasil

purata bagi sekeluarga pemilik-pengerja ialah 490 gantang (7350/15). Ini bermakna bahawa hasil purata sekeluarga penyewa adalah kurang daripada 490 gantang kerana saiz sawah adalah lebih kecil dan terpaksa membayar sewaan. Maka ini menerangkan mengapa kebanyakkan penduduk Kampung tidak menjual padi mereka kerana hasil padi mereka adalah secukup makan sekeluarga sahaja.

#### 4.4.2 GETAH

Padi merupakan tanaman utama Kampung ini dan diikuti dengan tanaman getah. Ini dapat dibuktikan oleh hanya 17 isi rumah yang terlibat dalam pekerjaan menoreh getah (tidak termasuk yang pawah kepada orang lain) berbanding dengan 36 isi rumah yang terlibat dalam penanaman padi daripada 50 isi rumah yang dikaji.

JENIS	ISIRUMAH	PERATUS
Pemilik - kerja sendiri	17	14%
Pemilik - pawah kepada orang	14	18%
Pawah	19	18%
Pemilik & Pawah	11	12%
Tidak terlibat	129	158%
Jumlah	150	100%

Jadual 4.9 : Pola hak milik tanah getah

Peratus penoreh yang pawah getah orang lain lebih kurang sama dengan peratus penoreh getah yang menoreh getah sendiri walaupun lebih tinggi sedikit iaitu 18% dan 14% masing-masing seperti yang diperhatikan dari jadual 4.9. Didapati bahawa bilangan "pawah" adalah lebih ramai dari pemilik yang pawah kepada orang lain. Ini adalah kerana sebahagian penoreh getah pawah mengerjakan tanah bukan hakmilik penduduk Kampung tetapi penduduk diluar Kampung ini seperti di Kuala Terengganu.

Disebabkan hanya 12 isirumah daripada 50 isirumah yang dikaji mempunyai tanah getah, penoreh-penoreh getah terpaksa pawah getah orang lain. Terdapat pemilik kebun getah yang juga mengerjakan kebun getah orang lain(pawah), ini adalah kerana pokok getah sendirinya masih kecil dan tidak boleh ditoreh, tetapi bilangan mereka sangat kecil iaitu hanya 2% sahaja.

Sistem pawah getah diKampung ini adalah secara "bahagi dua", dimana hasil jualan getah akan dibahagi dua diantara tuan tanah kebun getah dengan penoreh getah. Kedua-dua mereka mempunyai peranan masing-masing, misalnya tuan tanah menyediakan asid asetik untuk membekukan susu getah dan menyediakan mesin getah, manakala pekerja sistem pawah pula menoreh getah, mengumpul susu getah dan lain-lain kerja yang perlu sebelum getah itu boleh dijual.

Dikampung Pengkalan Berangan, Kegiatan menoreh getah hanya dijalankan dalam kira-kira 6 hingga 8 bulan sahaja dalam setahun. Ini adalah kerana musim hujan dan musim padi dimana kegiatan menoreh getah tidak dapat dijalankan. Getah yang sudah sedia dijual, akan dijual kepada pemberong di Wakat Tapai (4 batu dari Kampung ini) atau kepada RISDA.

#### 4.4.3 Tabel 4.10

IEKAR	BIL ISIRUMAH	PERATUS
11.1 - 2.0	6	28.5%
2.1 - 3.0	6	28.5%
3.1 - 4.0	5	23.8%
4.1 - 5.0	1	4.8%
5.1 - 6.0	2	9.6%
6.1 - 7.0	1	4.8%
Jumlah	21	100.0%

Jadual 4.10 : Keluasan Tanah Getah

Majoriti keluaran tanah getah yang dikerjakan adalah di antara 1.1 ekar ke 4.0 ekar, iaitu kira-kira 80.8% daripada jumlah keluaran tanah getah yang dikerjakan. Keluaran tanah getah yang dikerjakan oleh setiap isirumah di Kampung pengkalan Berangan adalah sangat kecil seperti juga dengan keluaran tanah sawah yang dikerjakan. Keluaran tanah getah serta tanah sawah yang kecil ini merupakan salah satu faktor menghalang peningkatan pendapatan penduduk Kampung. Purata keluasan

tanah getah yang dikerjakan dalam Kampung ini ialah 3.1 ekar dan keluaran getah untuk 3.1 ekar ialah kira-kira 200 Kilogram sebulan; ataupun seekar tanah getah mengeluarkan kira-kira 65 Kilogram getah sebulan. Semakin luas tanah getah yang ditoreh maka semakin tinggi pendapatan yang diperolehi dari jualan getah itu.

#### 4.4.3 TANAMAN LAIN

Di Kampung Pengkalan Berangan, tanah Kawasan rumah adalah besar, ada yang hingga kira-kira 2 ekar. Di Kawasan rumah yang besar ini ditanami dengan pokok Kelapa selain daripada pokok-pokok buah-buahan. Hasil Kelapa yang dijual merupakan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk Kampung tetapi jumlahnya adalah sangat kecil, iaitu di antara \$50.00 ke \$150.00 setahun bergantung kepada luas tanah yang ditanami dengan pokok Kelapa. Kelapa adalah dipetik oleh ahli Keluarga sendiri ataupun dipetik oleh monyet orang lain dengan bayaran 3 biji Kelapa daripada 10 biji yang dipetik.

Selain daripada Kelapa sebagai sumber pendapatan tambahan, tanaman-tanaman lain seperti lada, tembikar, timun, tembakau dan sayur-sayuran lain ditanam terutamanya di luar musim padi; tetapi mereka adalah ditanam secara kecil-kecilan sahaja untuk memperolehi wang secukup perbelanjaan Keluarga. Sayur-sayuran yang boleh dijual

adalah dijual secara Kecil-Kecilan Kepada Kedai-Kedai runcit atau dijual di pasar sahaja. Dengan Kata lain, hasil tanaman hanya secukup jualan Kampung ini sahaja. Lembaga Persatuan Peladang membantu mereka dengan memberi kredit racun dan kredit baja pada mereka. LPP juga memberi benih kepada mereka.

Tanah sawah yang tidak diusahakan semasa di luar musim padi adalah dibiarkan kosong begitu sahaja oleh penduduk Kampung Pengkalan Berangan sehingga digunakan semula pada masa musim padi yang akan datang. Ia dibiarkan kosong selama kira-kira 5 ke 6 bulan. Tanah yang terbiar ini merupakan satu pembaziran bagi penduduk Kampung ini.

#### 4.5 MASALAH YANG DIHADAPI PADA PANDANGAN PENDUDUK KAMPUNG

LEKAR	IBIL ISIRUMAH	PERATUS
11.1 - 2.0	6	28.5%
12.1 - 3.0	6	28.5%
13.1 - 4.0	5	23.8%
14.1 - 5.0	1	4.8%
15.1 - 6.0	2	9.6%
16.1 - 7.0	1	4.8%
Jumlah	21	100.0%

Jadual 4.11 : Masalah yang dihadapi oleh responden

Daripada responden yang dikaji, majoriti berpendapat bahawa masalah mereka ialah kekurangan wang iaitu sebanyak 96% penduduk berpendapat demikian. Kemudian diikuti dengan masalah Kekurangan tanah sebanyak 82% dan masalah tiada kerja sebanyak 58%. Seperti yang telah dinyatakan dalam 4.3.2 bahawa Kekurangan tanah akan menyebabkan Kekurangan wang. Tiada kerja di Kampung juga akan menyebabkan masalah Kekurangan wang kerana penduduk Kampung berpendapat bahawa tidak terdapat kerja lain di Kampung selain daripada pertanian yang boleh memberi pendapatan yang tinggi dan tetap kepada mereka. Jadi masalah kedua dan masalah ketiga penduduk Kampung adalah berkaitan dengan masalah utama mereka.

Selain daripada 3 masalah utama di atas, penduduk Kampung juga berpendapat bahawa mereka menghadapi masalah Kampung (24%), masalah Keluarga (20%), banyak pinjaman (10%) dan lain-lain (6%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.11. Masalah Kampung adalah lebih disebabkan oleh perselisihan di antara anggota parti UMNO dan anggota parti PAS dalam Kampung. Dengan merujuk Kepada Bab 3 yang lalu, didapati bahawa permusuhan di antara dua parti ini adalah agak ketara. Saling tidak tegur-menegur di antara anggota kedua parti itu dan juga terdapatnya pepécahan anggota Keluarga akibat dari perbezaan Keanggotaan parti politik. Jadi di sini masalah Keluarga juga boleh diujudkan oleh masalah Kampung.

Berkenaan masalah pinjaman, dengan merujuk kepada bahagian 3.2.6, didapati bahawa hanya sebilangan kecil penduduk kampung membuat pinjaman (22%) atau pun ber hutang (20%). Jadi masalah pinjaman bukan merupakan suatu masalah yang serius pada mereka. Mereka lebih merupakan 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.' Penduduk kampung tidak suka ber hutang.

#### 4.6 SIKAP DAN PANDANGAN PENDUDUK KAMPUNG

Untuk mengukur sikap dan pandangan hidup penduduk kampung, beberapa soalan telah dikemukakan kepada responden. Sila lihat jadual dibawah:

PENDAPAT	IBIL. RESPONDEN	PERATUS
Mahu	30	60%
Neutral	8	16%
Tak Mahu	9	18%
Tak Tahu	3	6%
	50	100%

Jadual 4.12 : Sama ada penduduk kampung mahu anak-anak tinggal dan bekerja di kampung atau tidak

JENIS PEKERJAAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Bidang Professional	30/50	60%
Pentadbiran & Pengurusan	25/50	50%
Perkeranian dan Pegawai rendah	24/50	48%
Perniagaan dan Pekerja Jualan	13/50	26%
Pertanian	9/50	18%
Peneroka	1/50	2%
Tak Tahu/Terpulang pada anak	16/50	32%

Jadual 4.13 : Pendapat responden tentang jenis pekerjaan yang baik untuk anak-anak

TINGKAT PELAJAGAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Universiti	48	96%
Kolej	-	-
Menengah 4 - 6	1	2%
Menengah 1 - 3	-	-
Rendah 1 - 6	1	2%
	50	100%

Jadual 4.14 : Pendapat responden tentang Ketinggian pencapaian pelajaran anak-anak

JENIS PELAJARAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Ugama	39	78%
Kedoktoran	2	4%
Sains	4	8%
Kemanusiaan	3	6%
Kemasyarakatan	2	4%
	50	100%

Jadual 4.15 : Pendapat responden tentang Jenis pelajaran yang paling baik untuk anak-anak

Jawapan majoriti responden di jadual-jadual 4.12, 4.13, 4.14 dan 4.15 adalah didapati bercanggahan di antara satu sama lain. Misalnya majoriti penduduk inginkan anak-anak mereka tinggal dan bekerja di kampung dan juga berpendapat bahawa jenis pekerjaan yang paling baik untuk anak-anak ialah bidang professional, pentadbiran dan pengurusan, perkeranian dan pegawai taraf rendah, tetapi pekerjaan jenis ini tidak boleh diperolehi dalam kampung.

Majoriti penduduk (96%) inginkan anaknya mencapai tingkat pelajaran yang paling tinggi iaitu universiti tetapi jenis pelajaran yang paling baik pada fikiran majoriti (78%) ialah pelajaran ugama berbanding dengan jenis pelajaran lain. Soalan yang timbul di sini ialah bolehkah pelajaran ugama menawarkan anak-anak mereka jenis pekerjaan yang diinginkan seperti professional, pentadbiran dan pengurusan?

Sebagai kesimpulan, boleh dikatakan bahawa pandangan atau sikap penduduk kampung sudah mula berubah, ini boleh dibuktikan tentang pandangan mereka terhadap Kepentingan pelajaran (Jadual 4.14) dan jenis pekerjaan yang baik (Jadual 4.13). Walau bagaimanapun, mereka masih terikat pada nilai-nilai tradisi dalam hal-hal tertentu seperti dalam hal-hal kekeluargaan dan persanakan (Jadual 4.12) dan 'cara hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.'

#### 4.7 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi berbagai bantuan kepada penduduk Kampung Pengkalan Berangan. Di antara jenis-jenis bantuan yang ada ialah :

1. Bantuan Am - sakit, balu,cacat, bantuan sekolah dan lain-lain
2. Penyaraan Kanak-Kanak
3. Penyaraan orang Tua
4. Elaun Pekerja Cacat
5. Bantuan basikal (murid-murid sekolah)
6. Bantuan cermin mata (orang tua dan murid-murid)
7. Bantuan baiki rumah
8. Geran Pelancaran Jaya Diri (Modal berniaga)
9. Alat-alat tiruan orang-orang cacat

Permohonan terhadap bantuan-bantuan di atas boleh dibuat oleh penduduk Kampung secara bertulis melalui Ketua Kampung atau penghulu atau datang sendiri ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kuala Terengganu. Setelah permohonan diterima oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes ini akan didaftar. Selepas itu, pembantu Kebajikan akan membuat lawatan ke rumah pemohon untuk mengkaji keadaan pemohon. Kemudian suatu laporan akan dibuat oleh pembantu Kebajikan dan dihantar Kepada Pegawai

Kebajikan Masyarakat Daerah untuk diluluskan. Sebahagian bantuan perlu kelulusan dari Pengarah Kebajikan Negeri seperti Bantuan Jaya Diri dan Bantuan Persekutuan. Bantuan membaiki rumah pula diluluskan oleh Pengurus Exco Kerajaan Negeri bahagian Kebajikan.

JENIS BANTUAN - SEBULAN	BIL. ISIRUMAH	IJUMLAH
11. Bantuan Am - \$40	29	\$1,160
- \$50	2	100
- \$80	1	80
12. Penyaraan Kanak-Kanak - \$115	1	115
13. Penyaraan Orang Tua - \$50	2	100
14. Elaun Pekerja Cacat - \$50	2	100
	37	\$1,655

Jadual 4.16 : Bilangan Penerimaan bantuan Kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat

Daripada 204 isirumah yang dilist oleh saya, terdapat 37 isirumah yang menerima bantuan kewangan secara bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu kira-kira 18% daripada jumlah isirumah seluruh Kampung Pengkalan Berangan. Bantuan Am diberi oleh Kerajaan Terengganu manakala Penyaraan Kanak-Kanak, penyaraan orang tua dan elaun pekerja cacat diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Elaun Pekerja Cacat hanya diberikan kepada orang-orang cacat yang bekerja tetapi berpendapatan kurang dari \$350 sebulan.

Daripada jadual 4.16, didapati bahawa sebanyak \$1,655 telah diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam sebulan untuk membantu penduduk Kampung. Wang bantuan bulanan ini diterima oleh penduduk Kampung di balai Raya atau di pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan Kadang-Kadang dihantar ke rumah mereka. Bantuan wang ini bukan untuk selama-lamanya. Setiap Kes akan dikaji semula setiap 6 bulan. Jika didapati Kes tertentu yang tidak lagi memerlukan bantuan lagi, kes ini akan ditutup. Setiap orang yang menerima bantuan mempunyai sekeping Kad yang mencatatkan butir-butir peribadinya serta setiap kali bantuan diberikan. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu penduduk Kampung yang kebanyakannya miskin.

#### 4.8 KESIMPULAN

Dengan berdasarkan pada garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh SERU, 68% penduduk Kampung berada di bawah garis kemiskinan ini. Jadi boleh dikatakan bahawa majoriti penduduk Kampung berada dalam Keadaan Kemiskinan di mana pendapatan bulanan seisi rumah menjadi faktor penentunya.

Jika pendapatan adalah faktor penentu Keadaan miskin atau tidak, maka pekerjaan yang berpendapatan

rendah adalah merupakan salah satu sebab utama kemiskinan berlaku. Jadual 2.1 menunjukkan bahawa bidang pertanian merupakan pekerjaan yang berpendapatan rendah dan pertanian juga merupakan pekerjaan utama di Kampung (82% penduduk Kampung terlibat dalam pertanian dalam jadual 4.3).

Dalam bidang pertanian, padi merupakan tanaman utama di Kampung, sebanyak kira-kira 72% penduduk Kampung terlibat dalam penanaman padi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.5. Tanaman yang kedua ialah getah dan diikuti dengan tanaman lain seperti kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.

Daripada 72% penduduk Kampung yang terlibat dalam penanaman padi, hanya 63.8% ( $23/36 \times 100\%$ ) mempunyai tanah sawah sendiri. Daripada 17 responden yang terlibat dalam penorehan getah (tidak termasuk yang pawah kepada orang lain), 10 responden terpaksa pawah Kebun getah kepada orang lain, iaitu kira-kira 58.8%. Selain daripada sebahagian yang agak besar tidak memiliki tanah pertanian, keluaran tanah yang dikerjakan juga adalah kecil dan tidak berekonomi. Kebanyakan keluaran tanah sawah adalah di antara 0.5 ekar hingga 2.0 ekar dan keluaran tanah getah adalah di antara 1 ekar ke 4 ekar sahaja.

Keluaran seekar padi dan keluaran seekar getah adalah rendah di Kampung Pengkalan Berangan ini. Hasil keluaran purata seekar padi di Kampung ini ialah 245 gantang dan jika berbanding dengan keluaran purata negara pada tahun 1980 seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 1,260 gantang sehektar atau kira-kira 510 gantang seekar, adalah sangat jauh berkurangan. Ini adalah kerana di Kampung ini mengalami kekurangan teknologi moden, benih baka baik, skim pengairan yang moden dan lain-lain yang boleh menambahkan pengeluaran. Begitu juga halnya berkenaan dengan pengeluaran getah.

Pendapatan rendah yang berlaku di bidang pertanian adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti keluasan tanah yang dikerjakan kecil, teknologi terhad, tanah milikan sendiri adalah kurang dan hasil keluaran yang rendah.

Pada Kaca mata penduduk Kampung sendiri, masalah terbesar mereka ialah kekurangan tanah dan kekurangan pekerjaan (Selain daripada kekurangan wang). Masalah kekurangan tanah dan kekurangan pekerjaan ini adalah merupakan salah satu punca kepada kemiskinan di Kampung pada pendapat penduduk Kampung. Selain daripad bergiat dalam pertanian, tidak terdapat kerja yang lebih baik atau

lebih tinggi pendapatannya di kampung. Selepas musim padi yang dijalankan sekali setahun, penduduk Kampung mengalami masalah mencari kerja untuk menampung hidup sehari-harian. Masalah kekurangan tanah ini akan menyebabkan sebahagian pendapatan mereka diberi pada tuan tanah.

Jika dilihat sikap dan pandangan hidup penduduk Kampung, mereka telah mengalami perubahan seperti sangat pentingkan pelajaran dan pekerjaan taraf tinggi yang berpendapatan tinggi. Walaubagaimanapun, penduduk Kampung masih mempunyai atau mengamal nilai-nilai tradisi yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Nilai-nilai tradisi dan cara hidup Kampung ini masih bolehkan cara sendiri diamalkan dalam Kampung ini.

Badan-badan Kerajaan seperti LPP dan Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan membantu penduduk Kampung sedikit sebanyaknya. Boleh dikatakan bahawa ada bantuan adalah lebih baik daripada tanpa sebarang bantuan walaubagaimana kecil pun bantuan itu.

Beliau berkata lagi bahawa pengaruh orang ramai selalu mudah mengumpul datang dimana ia pun juga dilanjutkan sebagai tambahan lagi. Semenjak itu, kerajaan

## BAB 5 KESIMPULAN DAN SARANAN-SARANAN

### 5.1 KESIMPULAN

Pada tahun 1980, daripada jumlah isirumah yang miskin, sebanyak 85.3% adalah dari Kawasan luar bandar. Di Kawasan luar bandar pula sektor pertanian merupakan 66.6% daripada jumlah yang miskin. (RME, 1981: 33, Jadual 3.2). Kajian ini adalah satu Kajian Kes Ke atas sebuah Kampung pertanian di Kawasan luar bandar negeri Terengganu.

Semasa di Kampung Pengkalan Berangan (April, 1985), suatu banci listing dijalankan pada permulaan kerja luar dan pada masa itu juga mula menjalin perhubungan mesra dengan penduduk Kampung. Sebanyak 50 isirumah diambil secara sampling sistematik sebagai sampel Kajian bagi mewakili keseluruhan Kampung Pengkalan Berangan yang dikaji yang mengandungi kira-kira 204 isirumah.

Walaupun wujudnya berbagai-bagai kesulitan yang dihadapi semasa banci listing dan semasa soal selidik, seperti masalah kemiskinan, masalah politik, masalah responden tidak ada di rumah dan lain-lain lagi, ini diatasi oleh saya dengan sedaya upaya supaya Kajian ini tetap dan lengkap.

Selain daripada menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data, cara-cara lain juga digunakan sebagai tambahan seperti pemerhatian, temuduga dan

Kampung Pengkalan Berangan yang dikaji ini terletak kira-kira 12 batu dari Marang dan 22 batu dari bandar Kuala Terengganu. Jadi, Kampung ini bukannya terletak di kawasan yang sangat pendalaman atau terpencil dari bandar besar. Penduduk Kampung selalu pergi ke bandar Marang dan bandar Kuala Terengganu untuk membeli-belah, berjalan-jalan, bekerja dan sebagainya. Ada yang sehingga dua kali sehari ataupun setiap hari bagi mereka yang bekerja di bandar-bandar itu. Perkhidmatan bas, teksi dan kereta sapu adalah agak kerap iaitu dalam setengah jam tentu ada salah satu jenis perkhidmatan ini.

Dalam bab 3, analisa saya adalah untuk melihat status sosio-ekonomi dan politik sebuah Kampung pertanian yang masih belum ada skim pengairan yang besar-besaran pada tahun 1980an ini iaitu kira-kira 25 tahun selepas Kemerdekaan.

Dari aspek ekonomi, pekerjaan utama dalam Kampung ini ialah pertanian. Seramai kira-kira separuh daripada ketua isirumah terlibat dalam pertanian iaitu sebanyak 48% (Jadual 3.1), dan sebanyak 22% ketua isirumah yang pekerjaan sampingannya ialah pertanian. Jika dikira jumlah isirumah yang terlibat dalam pertanian, sebanyak kira-kira 82% isirumah terlibat dalam pertanian (Jadual 4.3).

Jenis pekerjaan Ketua isirumah yang penting selepas pertanian ialah bekerja dengan Kerajaan, pekerjaan jenis perkhidmatan, buruh kasar dan kedai. Peratus penduduk yang terlibat dalam pekerjaan ini adalah jauh lebih kecil daripada peratus yang terlibat dalam pertanian (Jadual 3.1).

Majoriti penduduk Kampung adalah golongan yang berpendapat kurang daripada \$400 sebulan iaitu sebanyak 78% daripada isirumah yang dikaji (Jadual 3.4). Daripada 78% ini, sebanyak kira-kira 70% adalah berpendapatan di antara \$201 ke \$400 sebulan. Jadi hanya sebanyak 8% penduduk sahaja yang membelanja lebih daripada \$400 sebulan dan majoriti membelanja kurang dari \$400 sebulan terutamanya di antara \$201 ke \$300 sebulan iaitu kira-kira 36% daripada jumlah isirumah (Jadual 3.5). Didapati bahawa penduduk Kampung mengamal cara hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Perbelanjaan mereka adalah berdasarkan pada pendapatan mereka, jadi pinjaman, hutang dan simpanan adalah kurang bagi Kampung ini.

Sebanyak 36% penduduk Kampung ini tidak mempunyai apa-apa simpanan langsung. Walaupun peratus penduduk Kampung yang mempunyai simpanan nampaknya agak banyak, iaitu 64% tetapi majoritinya menyimpan dalam Amanah Saham

Negara yang 70% daripadanya menyimpan kurang dari \$100. Ini menunjukkan jumlah simpanan yang ada pada penduduk Kampung adalah sangat rendah. Didapati jumlah simpanan bagi 50 responden yang dikaji tidak melebihi \$30,000.

Hanya seramai 22% penduduk Kampung yang ada membuat pinjaman (Jadual 3.7). Jumlah isirumah yang menyimpan di institusi berikut ; Bank Pertanian, Bank Bumiputra, Pinjaman MARA, Lembaga Persatuan Peladang dan Koperasi Kakitangan Kerajaan adalah lebih kurang sama. Peratus penduduk yang berhutang adalah sangat rendah iaitu hanya 10% sahaja. Tujuan utama penduduk Kampung berhutang ialah untuk perbelanjaan pengeluaran, pembelian harta dan perbelanjaan Keluarga (Jadual 3.8), dan cara yang paling kerap digunakan ialah cara ambil barang keperluan dari Kedai-Kedai runcit (Jadual 3.9). Tiada hutang secara tunai dalam Kampung ini.

Dari segi keluasan tanah milikan, majoriti penduduk Kampung memiliki di antara 0.1 ekar ke 2.0 ekar iaitu 46% daripada jumlah penduduk. Sebanyak 14% penduduk tidak memiliki tanah langsung manakala sebanyak 20% penduduk pula memiliki lebih daripada 6 ekar tanah. Ini menunjukkan bahawa tanah yang dimiliki oleh majoriti penduduk adalah kecil (0.1 ekar - 2.0 ekar) dan ketidakseimbangan terhadap pemilikan tanah juga wujud.

Kemudahan infra-struktur yang ada di Kampung Pengkalan Berangan adalah masih belum lengkap. Seramai 90% penduduk Kampung menggunakan air perigi. Seramai 64% penduduk menggunakan tandas curah dan seramai 22% pula tidak mempunyai tandas langsung. Perkhidmatan telefon adalah tidak memuaskan kerana selalu rosak dan hanya sebuah telefon awam di Kampung ini. Walau bagaimanapun penduduk Kampung ada dibekal dengan Kuasa elektrik Kecuali beberapa Keluarga yang bekalannya telah dipotong akibat tidak membayar bil. Dari segi kesihatan dan pelajaran, boleh dikatakan agak baik. Terdapat sebuah klinik bidan dan Kanak-Kanak di Kampung ini, tetapi hanya 60% penduduk Kampung yang selalu melawatnya kerana klinik ini adalah untuk merawat ibu yang mengandung dan Kanak-Kanak sahaja. Seorang dewasa yang sakit perlu pergi ke bandar untuk mendapatkan rawatan. Terdapat sebuah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) dan sebuah Taman Bimbingan Kanak-Kanak di Kampung ini. Hanya yang lulus tingkatan lima akan menyambung pelajaran tingkatan enam mereka di tempat lain. Ramai juga Kanak-Kanak Kampung yang dihantar ke sekolah asrama penuh di tempat lain.

Tingkat pelajaran pada anak-anak tempatan Kampung ini adalah lebih baik daripada generasi ibubapa mereka. Dari responden yang dikaji, hanya 66% Ketua rumah yang

mempunyai pelajaran dan hanya seorang responden sahaja yang bersekolah sampai tingkatan 5 (Jadual 3.18), manakala tingkat pelajaran yang dicapai oleh ahli-ahli Keluarga pada masa ini adalah agak tinggi. Sebanyak 29% mencapai tingkatan enam atau tingkatan lina dan terdapat 4% yang mencapai ke peringkat universiti (Jadual 3.19).

Pada keseluruhannya, Keadaan rumah penduduk adalah sederhana sahaja iaitu tidak bocor dan bukan baru, sebanyak 66% rumah di Kampung adalah dalam keadaan sederhana dan terdapat 16% yang berada dalam keadaan buruk. Kira-kira semua rumah di Kampung adalah dibuat dari papan tetapi bumbung rumah di Kampung ini adalah diperbuat dari berbagai jenis bahan. Yang paling banyak ialah kombinasi di antara bumbung attap dan zinc atau gabungan attap dan asbestos. Zinc dan attap ini adalah tambahan atau sebagai ganti pada bumbung attap yang dulu melalui renovasi.

Sebanyak 72% ketua isirumah mampu memiliki rumah dan hanya 52% memiliki tapak rumah. Walau bagaimanapun, golongan isteri atau suami ketua isirumah merupakan golongan kedua paling tinggi memiliki tapak rumah dan rumah iaitu 22% dan 12% masing-masing (Jadual 3.16 & 3.17).

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan bahawa status sosio-ekonomi Kampung Pengkalan Berangan adalah rendah walaupun terdapat beberapa kemudahan seperti elektrik, pelajaran, kesihatan, tandas dan jalanraya yang disediakan oleh kerajaan. Pendapatan, perbelanjaan, hak milik tanah, air paip, keadaan rumah, pemilikan harta-benda, telefon, simpanan wang, pekerjaan dan sebagainya masih belum memuaskan.

Keadaan politik di Kampung Pengkalan Berangan adalah serius dari segi keanggotaan parti-parti yang ada di Kampung itu iaitu UMNO dan PAS. Perbezaan dari segi keanggotaan parti politik yang berlainan adalah satu faktor penting dalam pepecahan Kampung, sehingga mempunyai dua buah masjid dan permusuhan di kalangan ahli keluarga yang berlainan keanggotaan parti politik. Politik adalah sangat penting dalam hidup penduduk-penduduk Kampung, jadi ia mempengaruhi hidup dan tingkah laku mereka.

Selain daripada status sosio-ekonomi yang rendah, kemiskinan juga boleh diukur dengan berdasarkan garis kemiskinan yang dikeluarkan oleh SERU pada tahun 1983 iaitu sebanyak \$384.00 sebulan bagi sekeluarga lima orang. Dengan menggunakan pendapatan per kapita dari angka yang ditetapkan oleh SERU, iaitu \$76.80 sebulan, sebanyak 68% isi rumah di Kampung Pengkalan Berangan ini didapati kurang darinya. Dengan kata lain, kira-kira 2/3 daripada penduduk Kampung terletak di bawah garis kemiskinan.

Menurut Rancangan Malaysia Keempat (1981,33,Jadual 3.2), pada tahun 1980, 66.6% daripada jumlah yang miskin di luar bandar adalah terdiri daripada sektor pertanian. Begitu juga keadaanya pada Kampung Pengkalan Berangan. Dari Jadual 4.2 didapati bahawa majoriti isi rumah yang terlibat dalam pertanian adalah golongan yang miskin iaitu 92% petani berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan. Pertanian merupakan sektor yang terbesar di Kampung ini, kira-kira separuh dari jumlah ketua isi rumah adalah petani dan kira-kira 82% dari jumlah isi rumah terlibat dalam pertanian (Jadual 4.3).

Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat menunjukkan peratus kemiskinan bagi sektor pertanian di luar bandar telah meningkat dari tahun 1980 ke tahun 1983 iaitu dari 66.6% ke 69.4%. Ini menunjukkan kemiskinan masih berterusan di sektor pertanian. Untuk mengatasi kemiskinan di sektor pertanian, kita perlu mencari punca-punca kemiskinan.

Dari kajian di Kampung Pengkalan Berangan, saya akan melihat punca-punca kemiskinan dari 2 perspektif iaitu perspektif situasi dan perspektif individualistik (kebudayaan kemiskinan) yang telah dibincangkan dalam bab 2 taliu. Perspektif situasi adalah merupakan pandangan dari aspek ekonomi atau yang dikemukakan oleh ahli ekonomi. Perspektif situasi melihat kemiskinan sebagai akibat dari keadaan di luar Kawalan manusia.

Menurut Karl de Schweinitz, Jr. (Seorang ahli ekonomi), kemiskinan adalah disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu pengangguran, produktiviti rendah dan didiskriminasikan dalam pekerjaan. Dalam Kes Kampung Pengkalan Berangan ini, pengangguran dan produktiviti rendah memang wujud pada petani-petani di Kampung ini tetapi diskriminasi pekerjaan tidak wujud dalam Kampung ini.

Pengangguran di Kampung Pengkalan Berangan adalah lebih merupakan pengangguran bermusim. Padi ditanam sekali setahun dalam Kampung ini. Selepas musim menuai dan semasa menunggu musim menuai adalah merupakan suatu masa di mana penduduk Kampung sedang mencari kerja untuk menampung keluarga. Kampung tidak mempunyai kerja yang cukup untuk dikerjakan oleh semua petani pada masa ini. Pekerjaan yang dijalankan oleh petani di luar musim menanam padi dan menuai padi adalah seperti menoreh getah, menanam sayur-sayuran dan kerja-kerja Kampung.

Hanya 34% penduduk Kampung menoreh getah dan lebih daripada separuhnya adalah pawah getah orang lain. Luas ekar getah yang ditoreh adalah kecil iaitu di antara 1.1 ekar ke 4 ekar majoritinya. Hasil keluaran yang rendah akibat dari keluaran Kebun getah yang kecil, terpaksa dibahagi dua hasil jualan getah itu untuk diberi kepada

tuan tanah kebun getah. Jadi pendapatan bersih seorang penoreh getah adalah sangat rendah terutama bagi penoreh getah yang tidak mempunyai tanah sendiri. Saiz kebun getah yang kecil ini tidak berupaya membawa masuk pendapatan yang melebihan garis kemiskinan.

Menanam sayur-sayuran adalah dijalankan secara kecil-kecilan. Sayur-sayuran yang ditanam hanyalah untuk jualan kampung itu sahaja. Sayur yang boleh dijual, dipetik sedikit-sedikit dan dijual kepada pekedai runcit atau di pasar untuk memperolehi wang untuk perbelanjaan keluarga. Walaupun pinjaman kredit diberikan oleh LPP kepada petani yang ingin menanam sayur-sayuran tetapi penanaman sayur-sayuran tidak dijalankan secara besar-besaran mungkin kerana takut menghadapi risiko yang tinggi jika tanaman itu tidak menjadi.

Kerja-kerja kampung di sini adalah termasuk kerja mengambil upah menebang atau menebas, menyembur racun dan lain-lain kerja yang tidak tentu jangka waktunya. Ketidaktentuan jangka masa bekerja iaitu mungkin satu hari sehingga kepada 1 bulan, ini menyebabkan orang-orang kampung memperolehi pendapatan yang tidak tetap akibat dari kerja yang tidak tetap. Majoritinya mengamalkan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.'

Bagi seorang Ketua Kampung yang ingin tinggal di Kampung serta bekerja di Kampung, akan menghadapi masalah mencari pekerjaan yang sesuai bagi menampung keluarga. Semua pekerjaan di Kampung yang diuraikan di atas adalah yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Dapat dilihat dari jadual 4.11 lalu bahawa masalah tiada kerja merupakan masalah yang ketiga besar yang dihadapi oleh penduduk Kampung.

Daya pengeluaran (produktiviti) yang rendah juga merupakan salah satu punca kemiskinan bagi Kes Kampung Pengkalan Berangan. Ini dapat dilihat dari hasil keluaran seekar padi dan seekar getah. Kedua-duanya adalah jauh lebih rendah daripada purata keluaran negara. Purata hasil keluaran seekar getah adalah kira-kira 200 Kilogram berbanding dengan keluaran getah negara sebanyak 422 Kilogram bagi seekar getah (RME, 1981:43). Hasil keluaran purata seekar sawah padi di Kampung ini ialah 245 gantang manakala di negara ialah 510 gantang (RME, 1981:43).

Daya pengeluaran yang rendah ini mungkin disebabkan oleh kekurangan teknologi moden seperti jentera menanam dan menuai, benih baka yang lebih baik, penggunaan racun serengga, sistem pengairan moden dan sebagainya dalam penghasilan padi. Dalam keluaran getah, ini mungkin disebabkan oleh kekurangan penanaman semula getah dengan

baka yang lebih baik seperti RRIM 600 yang dianggarkan tanaman di antara 500-600 pokok sehektar yang boleh menghasilkan kira-kira 1,100 kilogram (Laporan Ekonomi, 1980:115).

Satu lagi punca utama kemiskinan di Kampung Pengkalan Berangan ialah kekurangan hak milik tanah. Kira-kira 46% penduduk Kampung memiliki di antara 0.1 ekar hingga 2.0 ekar tanah sahaja (Jadual 3.3). Hanya separuh penduduk Kampung Pengkalan Berangan yang memiliki tanah getah atau tanah padi atau kedua-duanya sekali. Bukan sahaja tanah pertanian yang dimiliki oleh penduduk Kampung adalah kurang, tetapi tanah tapak rumah yang dimiliki oleh suami atau isteri Keluarga hanyalah 74%. Ini bermakna yang 26% ketua Keluarga dan isternya terpaksa tinggal di tapak rumah orang lain seperti saudara-mara, tuan tanah, bapa ketua Keluarga dan lain-lain (Jadual 3.16). Mungkin disebabkan oleh pertumbuhan penduduk dan hukum warisan menyebabkan tanah-tanah pertanian menjadi semakin kecil tahun demi tahun.

Oleh kerana tanah pertanian yang dimiliki adalah kecil, maka kebanyakannya penduduk Kampung terpaksa menyewa tanah pertanian orang lain, tetapi keluasan tanah padi atau getah yang disewa adalah kecil. Ini boleh dilihat dari keluasan tanah sawah (Jadual 4.7) dan keluasan tanah

getah (Jadual 4.10) yang dikerjakan. Kira-kira 89% petani mengerjakan kurang daripada 2 ekar tanah sawah dan kira-kira 80% petani mengerjakan kurang daripada 4 ekar kebun getah. Daya pengeluaran yang rendah ditambah dengan saiz kebun getah dan sawah yang kecil ini merendahkan lagi pendapatan petani-petani.

Jadi di Kampung Pengkalan Berangan, pengeluaran padi adalah secukup hidup sahaja bagi kebanyakan penduduk. Hasil purata bagi seisi rumah pemilik-pengerja ialah 490 gantang tetapi hasil padi bagi penyewa adalah lebih jauh kurang daripada 490 gantang kerana penyewa terpaksa memberi 1/3 daripada padi yang belum dituainya kepada tuan tanah sebagai bayaran menggunakan tanah sawahnya. Kira-kira 38% daripada penduduk Kampung yang menanam padi menyewa tanah sawah daripada orang lain dengan membayar secara tunai atau secara hasil padi. (Jadual 4.5 -12/31 X 100%)

Dalam kes getah pula, masalah pendapatan yang rendah dihadapi kerana keluaran kebun getah adalah kecil dan daya pengeluaran rendah bagi setiap ekar kebun getah. Keadaan ini bertambah teruk lagi bila pekerja kebun getah terpaksa memberi separuh dari hasil jualan getahnya kepada tuan tanah sebagai bayaran sewa/pawah. Seramai kira-kira 59% daripada penoreh getah di Kampung Pengkalan Berangan

adalah terdiri daripada yang mengerjakan kebun getah orang lain. (Jadual 4.9 = 10/17 X 100%).

Zainal Abidin b. Ahmad (Azba) berpendapat bahawa Kekurangan pelajaran jenis yang betul dan Kekurangan badan-badan Koperatif merupakan sebab utama Kekemiskinan orang-orang Melayu. Professor Ungku A. Aziz pula mengatakan bahawa Kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan oleh daya usaha rendah, penindasan dan Keadaan terbiar atau pengabaian. Beliau juga menyokong penubuhan badan-badan Koperatif dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan desa untuk mengatasi Kemiskinan tuar bandar; tetapi pada awalnya perlu menghapuskan penindasan dan kemudian memperkenalkan teknologi moden ke dalam Kegiatan ekonomi.

Dari segi taraf pelajaran, boleh dikatakan Kerajaan telah menjalankan satu usaha yang sungguh berjaya dalam meningkatkan taraf pelajaran penduduk-penduduk Kampung Pengkalan Berangan pada masa ini. Jika dibandingkan dengan tingkat pelajaran Ketua Keluarga, tingkat pelajaran yang sedang dicapai pada masa kajian adalah jauh lebih tinggi (Jadual 3.18 & 3.19). Jadual 3.19 hanya mengira ahli-ahli Keluarga yang sedang bersekolah, jika ditambah dengan yang sudah tamat pengajian, maka peratusnya adalah lebih tinggi. Mereka yang berpelajaran

tinggi dan sudah tamat pengajiannya tidak tinggal lagi di Kampung tetapi bekerja di tempat lain. Jadi di sini dapat dilihat bahawa pelajaran yang betul telah meningkatkan taraf hidup seorang anak tempatan di Kampung; tetapi bagaimana pula keadaan mereka yang masih berada di Kampung? Bagaimana mengurangkan kemiskinan sektor pertanian yang sedang dialami di Kampung?

Professor Ungku A. Aziz dan Zaba mencadangkan badan-badan koperasi seperti LPP dalam mengatasi kemiskinan petani-perani. Lembaga Pertubuhan Peladang, Marang di Kampung Pengkalan Berangan ini membantu petani dengan menyewa traktor membajak, memberi subsidi padi, menjual racun pada penanam padi, memberi pinjaman kredit untuk tanam sayur-sayuran dan sebagainya. Jika dilihat dari kajian kes di Pengkalan Berangan ini, didapati peranan LPP dalam mengurangkan kemiskinan kaum tani adalah kurang. Ini adalah kerana terdapatnya petani yang miskin yang tidak sanggup menyewa traktor membajak sawah dan tidak mampu membeli racun atau difikirkan yang racun adalah tidak perlu. Pinjaman kredit untuk tanaman lain seperti lada, timun, tembakai dan lain-lain ditanam secara besar-besaran difikirkan oleh penduduk bahawa tinggi risikonya. Pada pendapat saya, apa yang diberikan percuma akan dinikmati oleh semua penduduk Kampung, tetapi pemberian secara percuma dengan banyak akan menghasilkan

petani yang terlalu 'dimanjakan' atau terlalu mengharapkan Kerajaan untuk membantu tanpa usaha sendiri.

Pernah dikatakan bahawa Kementerian Pertanian akan menutup Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kerana LPP yang merupakan badan berkanun yang membantu menguruskan pertubuhan-pertubuhan peladang, dianggap berlebihan, tidak berkesan dan tidak berekonomik. LPP dikatakan menghalang kerja pengembangan Jabatan Pertanian dan perkhidmatan pasar FAMA. (Jomo & Ishak, 1084:54)

Didapati penindasan yang disebutkan oleh Professor Ungku A. Aziz kurang terjadi di Kampung Pengkalan Berangan, terutama penindasan orang tengah terhadap petani. Hasil keluaran padi yang berlebihan akan dijual kepada LPP Bukit Payung tetapi bilangan isirumah ini adalah kecil. Getah pula dijual kepada RISDA tetapi penoreh getah juga boleh menjual kepada pemborong di Wakaf Tapai, ini bergantung kepada pilihan penoreh getah. Disebabkan kebanyakannya tanam adalah untuk secukup hidup untuk jualan kampung ini sahaja kecuali getah, peranan orang tengah dalam memasarkan hasil keluaran petani adalah tidak penting.

Kampung Pengkalan Berangan juga tidak boleh dikatakan terbiar oleh kerajaan berdasarkan kemudahan-kemudahan sosial yang dibekalkan pada Kampung ini seperti elektrik, tandas curah, jalan raya, perkhidmatan pos dan sebagainya kecuali air paip yang sedang dijalankan.

Dalam melihat perspektif individualistik, teori di kampung pengkalan berangan ini untuk mengetahui Kebudayaan Kemiskinan yang dikemukakan oleh Oscar Lewis akan digunakan. Perspektif individualistik menganggap

Kemiskinan sebagai perubahan seseorang individu itu sendiri. Oscar Lewis cuba memahami kemiskinan dalam ciri-cirinya sebagai suatu Kebudayaan atau sub-budaya yang mempunyai struktur dan rationale yang tersendiri yang merupakan suatu cara hidup yang boleh diperturunkan dari suatu generasi ke generasi lain. Perbincangan di sini akan lebih tumpu pada:

Perhubungan dia antara sub-budaya dengan masyarakat yang lebih besar; Keadaan semulajadi tidak memKomuniti 'slum'; Keadaan semulajadi sesuatu masyarakat keluarga; dan struktur tingkah laku, nilai dan sifat seseorang individu itu (1965,1966:xii-xiii dan xvi). Ibu bapa ini kurang dituliskan pada bahagian kajian kewujudan seorang lelaki atau bapak sahaja.

Dalam perhubungan subbudaya dengan masyarakat yang lebih besar, Oscar Lewis mengatakan terdapatnya kekurangan keanggotaan dan integrasi golongan miskin dalam institusi utama masyarakat yang lebih besar. Ini adalah tidak benar bagi penduduk Kampung Pengkalan Berangan kerana penduduk Kampung menganggotai parti politik yang ada dalam negara dan menghadiri perjumpaan parti politik di Kampung secara beramai-ramai.

Oscar Lewis juga mengatakan bahawa organisasi adalah sangat minimum di luar sebuah Keluarga tetapi pada kes di Kampung ini, suatu jawatankuasa Kampung dapat diadakan di mana penduduk Kampung menjadi Ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (AJKKK). Dilihat samping itu juga pertubuhan belia iaitu 4B juga dianggotai oleh penduduk Kampung.

Pada tahap Keluarga, Oscar Lewis berpendapat bahawa ciri-ciri Kebudayaan Kemiskinan ialah seperti perhubungan Keluarga yang authoritarianism, childhood yang tidak mempunyai perlindungan, suatu trend terhadap 'mother-centred families' dan kekurangan perpaduan Keluarga kerana persaingan dalam memperolehi makanan yang terhad dan kasih sayang itu. Ciri-ciri ini kurang dilihat pada penduduk Kampung. Female-centred family adalah tidak mungkin wujud kerana seorang lelaki atau bapa selalu

adalah Ketua rumah/Keluarga. Walaubagaimana pun, beberapa ciri yang disebutkan oleh Oscar Lewis didapati wujud dalam Komuniti Kampung Pengkalan Berangan seperti berpendapatan rendah, pengangguran, kurang memiliki harta benda, tiada simpanan dan selalu membeli kuantiti makanan yang sangat sedikit atau tidak mempunyai makanan simpanan yang berlebihan.

Tahap yang paling penting ialah tahap individu. Oscar Lewis berpendapat ciri-ciri yang selalau dilihat ialah inferioriti, sangat bergantung kepada orang lain, helplessness dan tahap expektasi dan aspirasi yang rendah. Jika dikaji sifat dan pandangan penduduk Kampung Pengkalan Berangan, didapati mereka sangat memandang berat terhadap pelajaran. Jadual 4.13 menunjukkan yang hampir 100% penduduk Kampung inginkan anak-anak mereka mencapai ke tingkat pelajaran yang paling tinggi.

Penduduk Kampung berharap agar anak mereka dapat bekerja di sektor bukan pertanian yang berpendapatan tinggi seperti dalam jadual 4.13. Penduduk Kampung tidak mempunyai perasaan puas hati seperti yang selalu dinyatakan oleh orang lain jika diperhatikan dalam Kes ini. Semua penduduk Kampung ingin menjadi kaya dan berharap anak mereka dapat bergaji besar.

Adalah sangat silap untuk menganggap semua petani Melayu adalah malas dan ini menyebabkan mereka miskin. Dapat diperhatikan di Kampung Pengkalan Berangan bahawa terdapatnya petani yang bekerja dari awal pagi hingga lewat petang tetapi masih miskin dan terpaksa berjimat cermat pula. Jadi ada punca-punca lain yang lebih penting dari sifat individu yang menyebabkan kemiskinan. Perspektif individualistik adalah kurang penting berbanding dengan perspektif situasi. Terdapatnya punca-punca di luar Kawalan penduduk Kampung yang tidak memungkinkan cita-cita petani untuk hidup lebih senang.

Sebagai kesimpulan dari analisa kajian ini, Kampung Pengkalan Berangan boleh dikatakan adalah sebuah Kampung yang miskin. Berdasarkan pada tarif dan ukuran kemiskinan yang dikemukakan oleh Professor Syed Husin Ali, dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Aspek-aspek Kemiskinan dari sudut Sosiologi' di Seminar Kemiskinan Luar Bandar anjuran KADA yang telah disebutkan dalam bab 2 taliu, ketiga-tiga Keadaan Kemiskinan yang disebut oleh beliau adalah wujud dalam Kampung ini. Penduduk Kampung Pengkalan Berangan mengalami kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, pakaian dan perumahan. Ini dapat dilihat dari jumlah perbelanjaan mereka yang rendah. Sebanyak kira-kira 74% penduduk membelanja kurang daripada \$301 sebulan bagi seisirumah (Jadual 3.5).

Tiga puluh 120 orang keturunan yang dikenalpastikan dari kajian di Kampung Pengkalan Berangan ini. Berdasarkan kepada kajian Unit Penyelidikan Sosai pada masa ini iaitu 1991 oleh Seruan Ekonomi (SERU), didapati 68% daripada penduduk Kampung berpendapatan kurang daripada garis kemiskinan yang ditetapkan olehnya mengikut had minima keperluan asas manusia Malaysia.

Menurut Professor Syed Husin Ali, kemiskinan dari segi ekonomi ialah timbul sebab ketadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkatan pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah. Semua ini dapat diperhatikan pada penduduk Kampung ini. Majoriti penduduk mempunyai harta benda dan tanah yang sangat rendah (Jadual 3.3). Dapat dilihat bahawa tidak terdapat satu pun perabut dalam rumah sebilangan isi rumah yang dikaji. Pekerjaan di Kampung selain daripada bekerja dengan kerajaan, adalah pekerjaan yang berpendapatan rendah seperti buruh kasar, pemandu teks, penjual kueh, kedai runcit dan sebagainya (Jadual 4.2).

Berdasarkan pada puluhan-puluh kemiskinan yang dikenalpastikan itu pengangguran atau tiada kerja.

Dari segi sosial, Keadaan petani di Kampung Kekurangan tanah dan daya pengeluaran yang rendah. Pengkalan Berangan memang menduduki lapisan bawahan dalam sistem susun lapis masyarakat seperti yang dinyatakan oleh Professor Syed Husin Ali. Jadi tidak boleh difikirkan bahawa Kampung Pengkalan Berangan memang merupakan suatu Kampung yang miskin walaupun terdapatnya kemudahan sosial yang disediakan oleh kerajaan seperti elektrik, jalanraya dan tandas curah.

Tiga punca utama kemiskinan yang dapat dienalpastikan dari kajian di Kampung Pengkalan Berangan sepeti i) lada, setiau, tembakau dan kelapa sawit, ada pada masa ini ialah :  
 dijalankan oleh penduduk kampung tersebut. Adalah dijalankan oleh pengangguran (tanpa sahaja, hanya boleh menjual makanan sahaja). Kekurangan tanah (pung kebun). Tanaman yang pelbagai. iii) daya pengeluaran yang rendah (ambalan dan dipasarkan pada pasaran yang buas supaya keuntungan yang besar). Ketiga-tiga punca ini adalah di luar Kawalan diperolehi soalan tinggi.  
 penduduk Kampung atau merupakan perspektif situasi. Perspektif situasi ini lebih penting daripada perspektif individualistik.

**5.2 SARANAN-SARANAN MEMPERTINGKATKAN STATUS SOSIO-EKONOMI PENDUDUK KAMPUNG** Untuk melindungi hasil jualan petani Cara-cara mengatasi kemiskinan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kemiskinan di luar bandar hendaklah berdasarkan pada punca-punca kemiskinan yang dienalpastikan. Dalam kes Kampung Pengkalan Berangan, cara-cara mempertingkatkan status sosio-ekonomi penduduk Kampung hendaklah berdasarkan pada punca-punca kemiskinan yang dienalpastikan; iaitu pengangguran atau tiada kerja, Kekurangan tanah dan daya pengeluaran yang rendah.

Untuk mengatasi masalah di atas, pertanian komersial hendaklah diperkenalkan pada penduduk-penduduk Kampung. Tanaman hendaklah dipelbagai, tidak hanya menanam padi dan getah sahaja. Walaupun tanam-tanaman lain dijalankan, di samping itu juga menyampaikan teknologi baru untuk meningkatkan hasil pertanian dan mengurangkan

seperti di lada, adas timun, kacang tembi kai dan sebagainya ada dijalankan oleh penduduk kampung tetapi kejayaan adalah dijalankan secara kecil-kecilan sahaja, hanya cukup untuk makanan sendiri dan jualan kampung sahaja. Tanaman yang

pelbagai ini perlu dijalankan secara besar-besaran dan Bagi seorang petani, selepas selesai kerja dipasarkan pada pasaran yang luas supaya Keuntungan yang menoreh dapat diperolehi. Keuntungan yang diperolehi adalah tinggi.

mengerjakan tanaman pelbagai dan tidak ada guna untuk sahaja di rumah modal boleh diatasi dengan bantuan dari pada agensi-agensi kerajaan yang memberi kemudahan kredit kepada mereka tanpa cagaran supaya semua penduduk kampung boleh menikmati kemudahan ini. Untuk melindungi

hasil jualan petani daripada diexploitasikan oleh orang tengah, agensi yang menawarkan kemudahan kredit itu perlu juga memasarkan tanaman mereka. Dengan cara ini bukan mengambil keuntungan yang rapat boleh sahaja exploitasi orang tengah diatasi tetapi adanya menolong. Tiap-tiap persatuan boleh bantu membantu dijamin pulangan kemudahan kredit yang diberikan dulu antara satu dengan lain dalam memerlukan sayur, menabur racun dengan cara menolaknya dari hasil jualan tanaman itu.

Untuk mengatasi petani yang takutkan risiko yang akan dialami bila tanaman tidak menjadi, seorang pegawai atau beberapa pegawai dari Jabatan Pertanian hendaklah membantu dan menasihat mereka dalam penanaman sayur-sayuran secara besar-besaran yang dijalankan. Perlu sedang selalu pergi ke ladang untuk memeriksa tanaman yang sedang dijalankan. Di samping itu juga menyampaikan teknologi yang rendah kepada petani-petani. Cara reformasi tanah

yang moden pada mereka dalam penanaman itu. Tanaman pelbagai ini dapat mengatasi masalah tiada kerja selepas musim padi atau semasa menunggu padi masak. Ia memberi pendapatan tambahan kepada penduduk kampung, iaitu segerang kecil sahaja. Perlu juga disewa tanah-tanah yang

Bagi seorang penoreh getah, selepas selesai kerja sedang memerlukan bantuan supaya ia dapat menoreh getah, mereka boleh pergi ke ladang untuk mengerjakan tanaman pelbagai dan tidak hanya duduk langsung memperbaiki tanah-tanah baru. Dengan tenang sahaja di rumah selepas sahaja selesai kerja menoreh pada waktu pagi. Selepas mandi dan makan tengahari, banyak kerja sampingan boleh dilakukan untuk menambahkan pulau pendapatan.

Daya pengeluaran yang rendah boleh diatasi dengan penduduk kampung yang mempunyai sifat kejiranan penggunaan teknologi yang moden. Sistem pengairan moden yang baik serta ikatan persanakan yang rapat boleh perlu dijadikan dalam operasi tanaman supaya tanaman dapat mengamalkan kerja cara hidup gotong-royong atau tolong kala setahun daripada tanah-tanah baik, raja dan menolong. Tiap-tiap isirumah boleh bantu membantu di antara satu sama lain dalam memetik sayur, menabur racun petani, menanam, bantuan untuk dijalankan oleh wang tidak payah dikeluarkan untuk mengupah orang lain mengamalkan pendapatan mereka. Maka pun tanaman dapat kalis dalam membantunya. Masalah tenaga buruh diatasi. setahun dijalankan, petani masih mempunyai masa untuk

Masalah yang paling susah yang dihadapi ialah masalah kekurangan tanah. Cara yang difikirkan oleh saya sebagai cara yang terbaik sekali ialah kerajaan membuka tanah-tanah baru dan diberikan atau disewakan dengan sewa yang rendah kepada petani-petani. Cara reformasi tanah

tidak dapat diadakan oleh Kerajaan kerana ramai penyokong Kerajaan memiliki tanah yang luas. Rancangan membuka tanah baru dibuat dengan rapi tanpa mengira keahlian mereka dalam politik supaya tidak diexploitasikan oleh se golongan kecil sahaja. Perlu juga disiasati keluasan tanah yang sedang memiliki oleh pemohon supaya hanya petani-petani yang memiliki tanah yang kecil atau tidak memiliki langsung memperolehi tanah-tanah baru ini. Tanah-tanah yang baru dibuka hendaklah berdekatan dengan Kampung ini, jika tidak petani akan mengalami masalah pengangkutan pula. hal itu bergejalaan yang terlalu tidak akan menjadi sebuah masalah.

Daya pengeluaran yang rendah boleh diatasi dengan penggunaan teknologi yang moden. Sistem pengairan moden perlu diadakan di Kawasan pertanian supaya tanaman dua kali setahun dapat dijalankan. Benih baka baik, baju dan racun serangga yang lebih baik perlu diperkenalkan pada petani supaya keluaran mereka bertambah dan mempunyai lebih hasil yang banyak untuk dijualkan bagi meningkatkan pendapatan mereka. Walaupun tanaman dua kali setahun dijalankan, petani masih mempunyai masa untuk menanam tanaman lain seperti pada masa menunggu upadi masak. Terutamanya dengan pengenalan jentera-jentera menuai dan membajak, tenaga buruh dapat dijimatkan atau Langkah-langkah membantu kemiskinan perlu tidak diperluakan lagi, dan petani mempunyai banyak masa dilakukan ke atas Kampung-kampung tententu yang sebenarnya untuk membuat kerja sampingan.

miskin dan Dalam membuka tanah baru, saiz tanah menjadi lebih besar bagi mereka yang mempunyai tanah dan bagi mereka yang tidak mempunyai tanah langsung akan mempunyai tanah sendiri, dengan itu tidak payah menyewa tanah dari tuan tanah. Tidak lagi perlu membayar sewa atau memberi 1/3 daripada hasilnya kepada tuan tanah. Lebih besar keluasan tanah ditanam, maka lebih banyak pula hasil keluarannya dan ini memberikan pendapatan yang lebih tinggi. Dengan adanya kawalan terhadap harga oleh kerajaan seperti pada padi dan Harga Minima Terjamin maka turun-naik harga tanaman yang terlaluuan tidak akan menjadibengsa (ISIS) pada abu Januari 1986. Berita Harian, 2hb Jan 1986)

Walaupun adanya teknologi yang maju, jika masalah kekurangan tanah tidak dapat diatasi, ia tetap tidak akan berjaya menghasilkan pendapatan yang boleh melibihi garis kemiskinan. Pada pendapat saya, kekurangan tanah adalah masalah yang perlu diatasi paling terdahulu. Dengan adanya saiz tanah yang luas, pelbagai tanaman boleh dijalankan pada masa yang sama, maka masalah tiada kerja ini boleh diatasi. Kemudian baru diperkenalkan teknologi baru bagi meningkatkan daya pengeluaran supaya jualan adalah tinggi dan berbentuk komersial.

Langkah-langkah membasmi kemiskinan perlu dilakukan ke atas kampung-kampung tertentu yang sebenarnya

miskin dan tidak tumpu pada Kawasan atau daerah miskin. Kerana kemiskinan sebenarnya berlaku di Kampung-Kampung tertentu sahaja. Kenalpastikan punca kemiskinan Kampung-Kampung tertentu dan kemudian baru dijalankan rancangan pembasmiannya di Kampung-Kampung tertentu itu. Diharap strategi baru ini yang akan diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang akan lebih berjaya mengatasi kemiskinan. Strategi baru ini diumumkan oleh Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim ketika meresmikan Persidangan Kebangasaan Mengenai Kemiskinan di Institut Strategik dan Pengajian Antarabangsa (ISIS) pada 6hb Januari 1986. (Berita Harian, 7hb Jan 1986) Sharif Hanim, Pendekatan Rancangan Malaysia Kelima - Kemiskinan Miskin Jadi Sejarah, Berita Harian, 7hb Januari 1986

#### D. LATIHAN IJUINAH

1. Sorkin Detain, Kemiskinan di Kalangan pesawahan (Satu Kajian kes di Mukim Pasang, Negeri Sembilan, Universiti Malaya, Ses 1982/83, Kuala Lumpur)
2. Faizan Yunus, Kemiskinan Kaum Tani (Satu Kajian kes di Kampung Paya Lintah), Padang-Rengas, Perak, Universiti Malaya, Ses 1983/84, Kuala Lumpur
3. Rajah Karupiah, "Poverty is no Sin" Kemiskinan Ibu Bapa Bandar, Fokus perkasa Ladangguk Satu Kajian Kes di pedang Bidor, Tahany (Bidor, Perak, (1984/85))

- B. **LAPORAN KERAJAAN**
1. Rancangan Malaysia Kedua, Percetakan Kerajaan , 1971
  2. Laporan Ekonomi 1980/81, Percetakan Kerajaan, 1980
  3. Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerajaan, 1981
  4. Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerajaan, 1983
  5. Laporan Ekonomi 1983/84, Percetakan Kerajaan, 1983
- C. **MAKALAH & ARTIKAL**
1. Corner Lorraine, The Persistence of Poverty: Rural Development Policy in Malaysia, 'Kajian Malaysia' - Journal of Malaysia Studies, Vol.1, No. 1, June, 1983
  2. Abdul Sharif Hamid, Pendekatan Rancangan Malaysia Kelima - Keluarga Miskin jadi Sasaran, Berita Harian, 7hb Januari 1986
  3. Valentine, Charles (1968)
- D. **LATIHAN ILMIAH**
1. Borhan Dolah, Kemiskinan di Kalangan pesawahan : Satu Kajian Kes di Mukim Bacang, Melaka, Universiti Malaya, Sesi 1982/83, Kuala Lumpur
  2. Faizah Yunus, Kemiskinan Kaum Tani (Satu Kajian Kes di Kampung Paya Lintah), Padang Rengas, Perak, Universiti Malaya, Sesi 1983/84, Kuala Lumpur
  3. Rajan Karupiah, Kemiskinan luar bandar, fokus pekerja ladang. Satu Kajian Kes di Ladang Bidor, Tahan, Bidor, Perak. (1984/85)

12. Oster, Lake & Oksman : The definition & Measurement of poverty, Vol. 1, Westview Press Inc. USA
13. Roach & Roach : Poverty - Selected Readings, Penguin Book, USA
14. Rodger, Harrel R.Jr (1979) : Poverty Amid Plenty - A Political and Economic Analysis, Addison- Wesley Inc. USA
15. Rountree, B. Seebom (1910) : Poverty: A Study of Town Life, Macmillan, London
16. Shamsul b. Baharuddin: RMK - Tujuan dan Perlaksanaannya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
17. Schiller, Bradley R. : The Economics of Poverty and Discrimination, 2nd Edition, Prentice-hall Inc., USA
18. Townsend, Peter (1970) : The Concept of Poverty, Heinemann Education Book, London
- 19 Valentine, Charles A (1968) : Culture and Poverty: Critique and Counter Proposals, University of Chicago Press, Chicago
20. Weaver & Magid (1969) : Poverty - New Interdisciplinary Perspectives, Chandler Publishing Company, USA
21. Wilber, George L (1975) : Poverty : A New Perspective, Universitu Press of Kentucky, USA
22. Will & Vatter (1965, 1970) : Poverty in Affluence, 2nd edition, Harcourt, Brace & World Inc., USA
23. Williamson, J.B.et.al: Strategies Against Poverty in America, Schenkman Publishing Company, Inc., Massachusetts

## BIBLIOGRAFI

### A. TEKS

1. Abdul Aziz b. Abdul Hamid, Ungku (1959) (1975) : Rencana-rencana Ekonomi dan Kemiskinan, Pustaka Melayu, Singapore
2. Ahmad Mahdzan Ayob (1983) : Kaedah Penyelidikan Sosial-ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
3. Bailey, Kenneth D. (1978) : Methods of Social Research, Free Press, New York
4. Dugan & Leahy (1973) : Perspectives on Poverty, Praeger Publishers, New York
5. Frank, Ander Gundar (1980) : Crisis in The World Economy, Heinemann Educational Book Ltd, USA
6. Ginsburg, Helen (1972) : Poverty, Economics and Society, Little, Brown & Company (Inc.) USA
7. Gopal, M.H (1970) : An Introduction to Research Procedure in Social Sciences, Second Revised & Enlarged Edition, Asia Publishing House, India
8. Hamilton, David Boyce (1968) : A Primer on the Economics of Poverty, Random House, New York
9. Hunter, Robert (1972) : Poverty, Garrett Press Inc. New York
10. Jomo K.S. dan Ishak Shari (1984) : Masalah sosio-ekonomi Malaysia - rencana pilihan dari Nadi Insan, Institut Analisa Sosial, Selangor
11. Lewis, Oscar (1965,1966) : La Vida, a Puerto Rican family in the Culture of Poverty - San Juan & New York, 2nd Edition